

**UNSUR REALISME DALAM *RANJAU SEPANJANG*
JALAN KARYA SHAHNON AHMAD: APLIKASI
*TEORI FUNGSIONALISME***

MOHAMAD EZHAR ITHDZZUDDIN BIN MOHD ZULHAR

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN
KEPUJIAN**

2022



Universiti Malaysia
KELANTAN

**UNSUR REALISME DALAM *RANJAU SEPANJANG*
JALAN KARYA SHAHNON AHMAD: APLIKASI
TEORI FUNGSIONALISME**

Oleh

MOHAMAD EZHAR ITHDZZUDDIN BIN MOHD ZULHAR

Tesis dikemukakan bagi memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda
Pengajian Warisan (Kesusasteraan Warisan) dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2022

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah
 Dari tarikh _____ sehingga _____

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut.

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan

981008-03-5525

No. Kad Pengenalan

Tarikh: 21 Februari 2022



Tandatangan Penyelia

Dr. Nasirin bin Abdillah

Nama Penyelia

Tarikh: 21 Februari 2022

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu dengan rasa keinsafan saya ingin mengucapkan Alhamdulillah dan menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT dengan kesempatan serta kurnia-Nya, maka dapatlah saya menyiapkan tugas ini dengan jayanya walaupun melalui pelbagai kekangan dan rintangan. Alhamdulillah.

Saya dengan rendah diri ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang membantu saya untuk menyiapkan tugas ini terutamanya pensyarah saya sendiri iaitu Dr. Nasirin bin Abdillah. Beliau banyak memberi tunjuk ajar serta maklumat yang diperlukan berkaitan projek penyelidikan ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih diberikan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi pertolongan dan bimbingan sehingga saya berjaya menyiapkan tugas ini dalam tempoh waktu yang telah ditetapkan.

Saya amat berbesar hati serta ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan kerana banyak memberi kerjasama sepanjang saya menyiapkan tugas ini. Dengan bantuan dan maklumat yang diberikan dapatlah saya menyiapkan projek penyelidikan ini.

Saya dengan rasa cinta dan kasih sayang ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa saya iaitu Mohd Zulhar bin Ismail serta Norwati binti Abdul Ghani. Mereka banyak memberi nasihat dan membantu saya dari segi sokongan kewangan serta kemudahan yang diperlukan bagi menyiapkan tugas ini. Mereka juga sentiasa memberi sokongan moral agar projek penyelidikan ini berjalan lancar dan dilakukan dengan jayanya.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang memberi kerjasama dan pertolongan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung semasa saya menjalankan penyelidikan ini. Tanpa pertolongan dan bantuan daripada mereka semestinya saya tidak akan dapat menyiapkan penyelidikan ini dengan baik. Akhir kata, sekian terima kasih diucapkan untuk semua.

Mohamad Ezhar Ithdzzuddin bin Mohd Zulhar
Lot 299, Lorong Tepi Sungai Kampung Kor,
Jalan Kuala Krai, 16010,
Kota Bharu,
Kelantan.
No. Tel: 011-6337 3537
E-mail: ezharzulhar98@gmail.com

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI RAJAH	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Batasan Kajian	9
1.8 Metodologi Kajian	11
1.9 Definisi Istilah dan Konsep	12
1.10 Organisasi Kajian	14
1.11 Kesimpulan	16
BAB 2: KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	17
2.2 Pengkajian berkaitan Realisme dalam Kesusasteraan Melayu Kontemporari	17
2.3 Pengkajian mengenai karya Shahnnon Ahmad	21
2.4 Pengkajian tentang Teori Fungsionalisme	28
2.5 Kesimpulan	31
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	32
3.2 Rekabentuk Kajian	32
3.3 Kaedah Kajian	34
3.3.1 Kaedah Kepustakaan	35
3.3.2 Kaedah Analisis Tekstual	35
3.3.3 Sumber Internet	36
3.4 Teori Fungsionalisme	37
3.4.1 Ciri Teori Fungsionalisme	40
3.4.2 Pendekatan Fungsionalisme Talcott Parsons (1951)	41
3.4.3 Imperatif Fungsionalisme menurut Talcott Parsons	44
3.5 Kerangka Teoritikal	46
3.6 Kesimpulan	47
BAB 4: ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan	48
4.2 Kekeluargaan dalam <i>Ranjau Sepanjang Jalan</i>	48
4.3 Kepimpinan dalam <i>Ranjau Sepanjang Jalan</i>	54
4.4 Kemiskinan Masyarakat Petani dalam <i>Ranjau Sepanjang Jalan</i>	59
4.5 Pendidikan dalam Kehidupan Masyarakat Melayu	65

4.6	Keagamaan dalam Kehidupan Masyarakat Melayu	69
4.7	Nilai Kemanusiaan yang diwujudkan oleh Shahnon Ahmad	73
4.8	Adat dan Budaya dalam Kehidupan Masyarakat Melayu	79
4.9	Kesimpulan	86
BAB 5: KESIMPULAN		
5.1	Pengenalan	87
5.2	Rumusan Kajian	87
5.3	Implikasi Kajian	90
5.4	Cadangan daripada Hasil Kajian	91
5.4.1	Teks Sastera Sebagai Platform Kritikan	92
5.4.2	Pencetakan Semula Teks Sasterawan Negara	93
5.4.3	Penganjuran Program Penulisan Kreatif dan Mata Pelajaran Sastera	94
5.4.4	Penulisan Karya Kreatif Medium Pembentukan Pemikiran Masyarakat	94
5.5	Kesimpulan	95
RUJUKAN		97



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
3.5	Kerangka Teoritikal	46



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Unsur Realisme dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* Karya Shahnnon Ahmad: Aplikasi Teori Fungsionalisme

ABSTRAK

Realisme merupakan sebuah realiti gambaran kehidupan masyarakat yang kerap digambarkan oleh penulis teks sastera kontemporari serta berkembang dengan pesat pada hari ini. Unsur realiti adalah satu perkara yang perlu wujud dan diwujudkan oleh pengarang dalam setiap karya sastera untuk menjaga kualiti sesebuah karya itu sendiri. Bilangan pengkarya yang sejati dan dekat dengan masyarakat sangat kurang jumlahnya daripada penulis yang membawa isu tidak perlu dalam masyarakat. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti unsur-unsur realisme dan membincangkan fungsi-fungsi realisme dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* kepada masyarakat seterusnya mengaplikasikan teori Fungsionalisme terhadap unsur realisme dalam teks tersebut. Kaedah kajian yang digunakan untuk menganalisis objektif adalah kualitatif dengan menggunakan beberapa cara iaitu kaedah pemerolehan data dan menganalisis hasil data. Unsur realisme dalam novel ataupun karya merupakan cerminan penulis yang jujur dan amanah untuk merubah dan memanjangkan sesebuah isu kepada pihak berwajib. Unsur tersebut juga dilihat sebagai penyeri dan suatu keindahan yang ditafsirkan melalui sebuah penulisan. Unsur realiti yang dibawakan oleh Shahnnon Ahmad seperti kekeluargaan, masyarakat, agama, adat dan budaya dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* dapat meningkatkan kualiti serta perkembangan kesusasteraan kontemporari di Malaysia. Realisme yang dipaparkan dalam teks juga dilihat sangat dekat dengan pemikiran dan minda masyarakat berkaitan situasi kemiskinan yang dialami oleh penduduk di pedalaman Kedah, Kelantan, Pahang, Sabah dan Sarawak. Kajian ini diharap dapat memberi perubahan kepada pihak tertentu, masyarakat serta individu berkaitan kepentingan teks kesusasteraan dalam menyampaikan isu yang benar-benar terjadi dalam masyarakat seterusnya menjaga dan mengharmonikan kehidupan masyarakat di Malaysia.

Kata kunci: Realisme, *Ranjau Sepanjang Jalan*, Shahnnon Ahmad, Fungsionalisme, Talcott Parsons

Elements of Realism in *Ranjau Sepanjang Jalan* by Shahnon Ahmad: Application of The Functionalism Theory

ABSTRACT

Realism is a reality depiction of the life of society that is often described by writers of contemporary literary texts as well as growing rapidly today. The element of reality is a thing that needs to exist and be created by the author in every literary work in order to maintain the quality of a work itself. The number of authors who are true and close to society is very less in number than writers who bring up unnecessary issues in society. The main purpose of this study is to identify the elements of realism and discuss the functions of realism in *Ranjau Sepanjang Jalan* to the society and then apply the theory of functionalism to the elements of realism in the text. The research method used to analyze the objectives is qualitative by using several methods namely data acquisition methods and analyzing data results. The element of realism in a novel or work is a reflection of a writer who is honest and trustworthy to change and extend an issue to the authorities. The element is also seen as a radiant and a beauty that is interpreted through a writing. Elements of reality brought by Shahnon Ahmad such as family, society, religion, customs and culture in *Ranjau Sepanjang Jalan* can improve the quality and development of contemporary literature in Malaysia. The realism displayed in the text is also seen very close to the thoughts and minds of the community related to the situation of poverty experienced by the people in the interior of Kedah, Kelantan, Pahang, Sabah and Sarawak. It is hoped that this study can provide changes to certain parties, society and individuals related to the importance of literary texts in conveying issues that really happen in society and then maintain and harmonize community life in Malaysia.

Keywords: Realism, *Ranjau Sepanjang Jalan*, Shahnon Ahmad, Functionalism, Talcott Parsons

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pengenalan

Karya sastera merupakan hasil penulisan pengkarya berkeaktiviti tinggi serta memberi pendedahan berkaitan pengalaman dan pengetahuan yang digambarkan melalui pemikiran pengarang. Menurut Mana Sikana (2015) sastera mempunyai tanggungjawab etika iaitu menjadi saluran untuk memperbaiki nilai moral dalam kalangan masyarakat. Pengarang juga mempunyai peranan yang penting dalam menyampaikan nilai-nilai yang baik ataupun menyampaikan kritikan kepada individu dan juga sesebuah organisasi. Pengarang berwibawa juga secara terang akan menyampaikan masalah serta pengalaman yang diketahui kepada umum tanpa berselindung atau mempertahankan kesalahan individu dan organisasi tertentu.

Unsur realisme adalah sebuah unsur yang diterapkan oleh pengarang dalam sesebuah karya sastera. Unsur ini juga akan memaparkan senario yang benar-benar terjadi dalam masyarakat pada satu-satu masa. Perkara ini juga kebanyakannya akan menyentuh isu kebajikan dan sosial masyarakat seperti kemiskinan, bencana dan sebagainya. Selain itu, isu yang luas seperti isu yang berlaku diperingkat dunia juga boleh dijadikan unsur realisme dalam sesebuah karya sastera. Suhaizi Suhaimi & Helmy Sabtu (2020) juga menyatakan bahawa realisme adalah satu cabang untuk melakukan kajian berkaitan

hubungan antarabangsa serta unsur ini sudah bermula sejak perang dunia pertama dan berkembang sehingga hari ini.

Ranjau Sepanjang Jalan adalah salah satu karya Shahnnon Ahmad pada tahun 1966 dan dicetak kembali pada tahun 2006. Karya yang dihasilkan oleh Shahnnon Ahmad banyak memberi gambaran sebenar yang berlaku dalam masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana karya yang dihasilkan oleh beliau banyak mengetengahkan tentang kehidupan masyarakat berbilang kaum, mempunyai perbezaan dari segi adab serta keunikan kepelbagaian budaya yang wujud di Malaysia dan sukar dijumpai di negara lain.

Shahnnon Ahmad juga membawa isu kemiskinan masyarakat seperti yang terdapat dalam karya beliau iaitu *Ranjau Sepanjang Jalan*. Dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* juga beliau menggambarkan tentang kehidupan masyarakat di Kampung Banggol Derpad dan memperlihatkan unsur kemiskinan petani yang hanya kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Oleh hal yang sedemikian hasil karya beliau diangkat oleh masyarakat kerana memenuhi citarasa serta realiti sebenar kehidupan yang belaku dan kurang menjadi perhatian daripada kerajaan sebelum itu. Hasil karya Shahnnon Ahmad juga membuka mata pelbagai pihak tentang kemiskinan yang berlaku di negeri Kedah pada masa itu.

1.2 Latar Belakang Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis dan melakukan pemerhatian terhadap unsur realisme terhadap teks *Ranjau Sepanjang Jalan* berdasarkan teori

Fungsionalisme. Berpandukan hasil sorotan kajian lepas pengkaji mendapati tajuk kajian ini belum lagi dikaji oleh mana-mana individu. Kesusasteraan mempunyai pelbagai aliran dalam penulisan untuk mengemukakan pemikiran dalam hasil karya. Maimunah & Washima (2019) menyatakan realisme adalah sebuah aliran yang wujud dalam sastera untuk memasukkan kejadian sebenar yang wujud dan berlaku dalam sesebuah masyarakat ke dalam karya sastera oleh pengarang. Realisme adalah satu perkara yang perlu wujud dan diwujudkan oleh pengarang dalam setiap karya sastera untuk menjaga kualiti sesebuah karya itu sendiri.

Realisme terjadi apabila berlaku kritikan kepada idealisme yang mementingkan perkara bersifat semula jadi dan bukannya perkara yang boleh dilihat dengan pancarindera (Maimunah & Washima, 2019). Hal ini menunjukkan realisme diukur melalui pengelihatan dan tinjauan yang dilakukan oleh seseorang untuk dijadikan sesebuah isu dalam karya. Karya realisme juga boleh memaparkan keadaan yang berlaku seperti yang digunakan oleh pengarang dalam karya pasca kemerdekaan untuk menaikkan semangat rakyat dan memupuk perasaan cinta kepada tanah air. Kaedah ini sering digunakan oleh pengkarya yang berwibawa dan jujur dalam menyampaikan sesebuah isu terutamanya berkaitan dengan agama, bangsa dan negara.

Kajian ini bermula daripada unsur realisme yang dibawa dalam karya-karya sastera oleh penulis yang begitu hebat iaitu Shahnnon Ahmad melalui gambaran situasi sebenar yang berlaku dalam masyarakat. Penulisan Shahnnon Ahmad dilihat lebih memahami situasi sesebuah masyarakat dan cenderung membawa isu yang benar berlaku untuk membuka mata semua pihak supaya mengambil tindakan atas sebarang masalah yang

berlaku. Penghasilan karya beliau juga dilihat membawa kritikan kepada institusi atau organisasi yang terlibat dalam masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau banyak menghasilkan karya yang bersifat menyindir dan menegur menggunakan kata-kata yang berlapik ataupun secara keras. Perjuangan Shahnnon Ahmad dalam penulisan karya beliau begitu terserlah dan membuka mata banyak pihak dengan terhasilnya karya seperti *Srengenge* (1973), *Sampah* (1974), *Patriarch* (1991), *TIVI* (1995), *Rentong* (1965), *Terdedah* (1965), *Sutan Baginda* (1997), serta karya kontroversi iaitu *SHIT* (1999) yang diharamkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada ketika itu. Berdasarkan pemikiran beliau yang lebih berjiwa rakyat dan berprinsip serta keras dalam penulisannya tidak hairanlah hasil karya beliau menjadi rujukan kerana banyak menyampaikan ideologi penting kepada semua pihak.

Hashim Ismail (2007) menyatakan *Ranjau Sepanjang Jalan* merupakan teks yang terkenal dengan isu kemiskinan dan personaliti penulis juga tidak boleh dipertikaikan kerana Shahnnon Ahmad banyak menulis novel-novel yang menerapkan cerita yang benar berlaku. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau merupakan seorang yang berjiwa rakyat dan memperjuangkan isu rakyat sehingga mencerburi bidang politik dan menjadi ahli parlimen Sik dalam Pilihanraya Umum Malaysia 1999. Unsur realisme dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* juga sangat terkenal yang membawa isu masyarakat di negeri Kedah serta masalah kemiskinan petani yang berhadapan dengan situasi genting seperti bencana alam, tiada bantuan daripada mana-mana pihak serta tekanan jiwa yang dihadapi oleh golongan miskin di kampung. Semua masyarakat mengetahui bahawa penulis pada ketika itu hanya memperjuangkan isu yang dekat dengan masyarakat tanpa mengharapkan keuntungan yang lumayan. Namun, pada harini ini pengarang baharu hanya menumpukan

kepada keuntungan sahaja menyebabkan ada dalam kalangan penulis novel sanggup menyentuh isu yang boleh menggugat keharmonian kaum, agama dan negara.

Menurut M. Albertrand Jusendo Arfan (2021) teori Fungsionalisme merupakan sebuah teori yang diwujudkan sebagai tindak balas terhadap teori Evolusi. Tambahnya lagi Fungsionalisme mempunyai matlamat tertentu iaitu untuk membangunkan sistem sosial serta peranan dan fungsi sesebuah badan dalam kehidupan masyarakat. Setiap badan dalam masyarakat seperti pendidikan, agama, adat dan budaya mempunyai cara dan fungsi tertentu untuk mengawal dan meneruskan kehidupan harian masyarakat. Segelintir penulis pada masa ini tidak lagi membawa isu yang baik tetapi menerapkan elemen negatif yang boleh meruntuhkan moral masyarakat terutamanya golongan remaja. Walaubagaimanapun, karya sastera juga dilihat mempunyai fungsi yang pendek untuk membina moral dan nilai kemanusiaan dalam kehidupan bermasyarakat. Oleh itu, kajian ini juga akan melihat secara mendalam tentang kebaikan teks sastera terhadap masyarakat kini dan juga pada masa akan datang.

1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan permasalahan kajian mendapati bahawa unsur realisme dalam karya Shahnnon Ahmad iaitu *Ranjau Sepanjang Jalan* berdasarkan teori Fungsionalisme belum dikaji oleh mana-mana pengkaji. Hal ini jelas menunjukkan masyarakat tidak serius mengambil pengajaran daripada karya sasterawan negara seperti Shahnnon Ahmad.

Arba'ie Sujud et al (2015) menyatakan penggemar novel sentiasa wujud dari generasi ke generasi yang lain dan semakin bertambah dari masa ke masa menyebabkan penulis akan berusaha untuk mengarang hasil karya mengikut permintaan masyarakat pada satu-satu masa. Perkara sebegini menjadikan pembaca hanya membaca novel fiksyen tanpa melihat apa yang sedang berlaku dalam masyarakat terutama sekali berkaitan dengan isu kemiskinan, kekeluargaan, kepimpinan, pendidikan, keagamaan dan moral. Teks sastera ataupun novel seharusnya dihasilkan dengan jujur dan amanah serta pengkarya perlu menerapkan sifat bertanggungjawab dalam diri agar pemikiran yang disumbangkan bersesuaian dengan kehidupan harian masyarakat.

Menurut Morni Hussin (2018), sasterawan merupakan seseorang yang bertanggungjawab untuk membentuk dan membina moral dalam kalangan masyarakat. Pengarang perlu matang serta tidak terlalu mengikut kehendak masyarakat tetapi lebih kepada menyedarkan masyarakat dalam semua isu semasa yang berlaku. Selain itu, pengkarya sekarang dilihat hanya ingin mengaut keuntungan semata-mata dengan memasukkan beberapa elemen yang menjejaskan keharmonian dan dapat meruntuhkan akhlak para remaja pada masa ini.

Kajian mengenai realisme dalam teks Shahnnon Ahmad sememangnya telah banyak dilakukan oleh pengkaji lepas. Walaubagaimanapun, kajian lepas berkaitan unsur realisme dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad melalui teori Fungsionalisme belum lagi dikaji oleh penyelidik yang lain. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilakukan untuk memberi pendedahan berkenaan unsur realisme yang diketengahkan dalam teks *Ranjau Sepanjang Jalan* oleh Shahnnon Ahmad.

Pengkaji juga berpendapat unsur realisme yang diketengahkan oleh penulis dalam teks kesusasteraan kontemporari seharusnya dikekalkan dalam karya pada hari ini. Hal ini dikatakan demikian kerana penerapan unsur realisme dalam karya dapat memberi sentuhan rohani dan moral kepada para pembaca serta masyarakat. Pendedahan berkaitan keunikan unsur realisme melalui teks sastera tidak begitu popular dalam kalangan masyarakat terutamanya generasi muda pada hari ini. Mereka hanya menganggap novel yang dihasilkan oleh karyawan ataupun sasterawan sebagai sebuah picisan dan hanya dibaca untuk mengisi masa lapang sahaja. Oleh sebab itu, pengkaji ingin merungkai segala unsur realisme yang wujud dalam teks *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad.

1.4 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan yang telah menjadi tanda tanya dalam pemikiran pengkaji untuk melakukan kajian lebih mendalam mengenai tajuk ini iaitu:-

- 1.4.1 Apakah unsur-unsur realisme dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad?
- 1.4.2 Bagaimanakah teori Fungsionalisme diaplikasi untuk membincangkan unsur realisme dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad?
- 1.4.3 Bagaimanakah realisme dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* boleh menyumbang kepada pemikiran masyarakat?

1.5 Objektif Kajian

Tujuan utama yang menyebabkan pengkaji merasa perlu untuk melakukan kajian ini adalah bagi memenuhi objektif-objektif berikut:-

- 1.5.1 Mengenal pasti unsur-unsur realisme dalam karya *Ranjau Sepanjang Jalan*.
- 1.5.2 Mengaplikasikan teori Fungsionalisme dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad.
- 1.5.3 Membincangkan peranan realisme dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* kepada pemikiran masyarakat.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang hendak dilakukan ini bertujuan untuk meneliti unsur realisme yang wujud dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad. Beliau merupakan seorang tokoh sasterawan negara yang banyak menabur jasa dan bakti untuk membela masyarakat melalui penulisan hasil karyanya. Daripada kesedaran itulah, pengkaji berpendapat sangat perlu pengkajian secara menyeluruh walaupun kurang kesempurnaan harus dilakukan untuk memperbanyakkan kajian tentang unsur realisme dalam karya seorang tokoh yang dijulung dalam bidang kesusasteraan. Shahnnon Ahmad sangat mempedulikan nasib masyarakat sehingga menjadi wakil rakyat pada ketika itu. Sumbangan beliau kepada masyarakat tidak terbatas kepada karya sahaja namun pada masa yang sama turut menyantuni rakyat dan memahami keluhan yang dihadapi oleh masyarakat miskin.

Kajian yang dilakukan ini juga banyak memberi faedah dan kemudahan kepada semua pihak. Hasil kepentingan kajian yang dijumpai antaranya adalah kepentingan kepada mata pelajaran kesusasteraan pada masa akan datang. Hal ini dikatakan demikian

kerana Shahnnon Ahmad dan karyanya sangat sinonim dalam bidang sastera menyebabkan banyak perkara perlu dikaitkan dengan figura itu. Pelajar juga dapat mengambil hasil kajian ini sebagai rujukan tambahan berkaitan maklumat kesusasteraan dan penghasilan karya. Selepas itu, kepentingan kajian ini juga boleh memberi faedah kepada pihak universiti dan fakulti. Hal ini dikatakan demikian kerana pihak universiti boleh menjadikan hasil kajian ini sebagai rujukan masa depan untuk menambah baik sukatan pelajaran bidang kesusasteraan ataupun untuk melakukan program-program tertentu.

Kepentingan kajian ini kepada masyarakat pula adalah masyarakat dapat menilai sesebuah novel yang mempunyai banyak pengajaran untuk dibaca dan memilih novel yang mempunyai unsur realisme atau kisah benar yang sesuai dengan situasi masyarakat pada masa tertentu. Kepentingan kajian kepada para pengkarya agar mereka lebih sensitif dalam menyampaikan sesuatu isu serta haruslah menggambarkan senario sebenar kepada masyarakat. Oleh itu, pengkaji berharap agar para pengkarya tidak memainkan isu yang sama dan merosakkan pemikiran pembaca dengan ideologi sekularisme dan liberalisme demi mengaut keuntungan semata-mata.

1.7 Batasan Kajian

Untuk menjalankan kajian ini, beberapa batasan kajian akan ditetapkan agar tidak melangkaui sasaran kajian yang dijalankan. Kajian yang dilakukan terbatas hanya dalam konteks kesusasteraan sahaja dan tidak menyentuh berkaitan isu politik yang diceburi oleh Shahnnon Ahmad. Kajian ini terbatas hanya kepada teks *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966) dan turut membataskan unsur realisme yang diketengahkan oleh penulis berkaitan kehidupan masyarakat petani di kampung Banggol Depad, Sik, Kedah untuk membuka

mata semua pihak berkaitan isu kemiskinan. Teks tersebut ditulis oleh Allahyarham Dato' Haji Shahnnon bin Ahmad. Teks *Ranjau Sepanjang Jalan* dicetak kembali oleh Alaf Dua Puluh Satu Sendirian Berhad pada tahun 2006 dan mengandungi 320 halaman bercetak.

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif terbatas kepada novel dan hasil karya Shahnnon Ahmad iaitu *Ranjau Sepanjang Jalan* sahaja tanpa melibatkan pengkarya atau sasterawan yang lain. Kajian ini juga membataskan ruang lingkup teori Fungsionalisme iaitu hanya menilai dan menganalisis berdasarkan pendekatan Talcott Parsons (1951) sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini hanya menganalisis fungsi sesebuah bahagian dalam masyarakat dan keluarga yang wujud dalam *Ranjau Sepanjang Jalan*. Beberapa buku dan artikel juga akan digunakan oleh pengkaji antaranya kajian oleh Yau Chee Theng (2015) yang bertajuk "Realisme dalam cerpen-cerpen dua penulis Mahua di Malaysia". Sorotan kajian lepas diperlukan bagi mengenal pasti serta menganalisis berdasarkan pernyataan masalah untuk diketengahkan dalam kajian ini.

Kajian ini akan melihat secara mendalam berkaitan unsur realisme yang wujud dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad sahaja. Oleh itu, analisis unsur realisme dalam karya ini dilihat mampu memberi pengetahuan serta masalah yang ingin disampaikan oleh penulis kepada pembaca ataupun masyarakat. Batasan kajian ini juga sekaligus dapat memberi dapatan kajian dan hujahan yang berkualiti berkaitan penerapan realisme berdasarkan Fungsionalisme dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* untuk rujukan serta memajukan masyarakat dan negara pada masa akan datang.

1.8 Metodologi Kajian

Kaedah kajian yang digunakan untuk menganalisis objektif oleh pengkaji adalah kualitatif dengan menggunakan beberapa cara iaitu kaedah pemerolehan data dan menganalisis hasil data. Penggunaan kaedah pemerolehan data adalah sebuah kaedah yang merujuk kepada kajian kepustakaan sahaja. Penggunaan kaedah ini lebih terjamin dan selamat berdasarkan sumber-sumber yang tepat dan betul sebelum digunakan dalam kajian. Kaedah kajian ini juga akan meneliti sumber yang sahih serta dinilai dan diteliti untuk dijadikan sebagai hasil data semasa melakukan kajian ini.

Sumber utama kajian ini adalah *Ranjau Sepanjang Jalan* karya sasterawan negara yang kedua iaitu Shahnnon Ahmad. Selain itu, kaedah pemerolehan data juga digunakan untuk mengumpul bahan-bahan bacaan yang tertentu seperti jurnal, tesis, buku dan sebagainya. Laman sesawang yang dipercayai juga digunakan sebagai rujukan ilmiah dan rujukan tambahan semasa mencari data untuk melakukan kajian ini. Bahan-bahan bacaan yang diperlukan juga akan diperolehi oleh pengkaji di beberapa buah perpustakaan seperti perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, perpustakaan negeri, perpustakaan daerah dan juga kedai-kedai buku yang terpilih.

Penggunaan laman sesawang secara atas talian juga digunakan untuk memuat turun maklumat tertentu yang sangat berguna dalam melakukan kajian ini. Dalam melaksanakan kajian ini juga kaedah pemilihan data digunakan dengan cara meneliti dan mengambil petikan berkaitan untuk dijadikan hujah serta perbincangan yang berkualiti. Setiap data yang dirangka akan dianalisis berdasarkan objektif yang diperlukan dalam kajian ini. Seterusnya, kajian ini akan menggunakan teori Fungsionalisme yang telah

mempunyai kerangka kaedah analisis berkaitan fungsi institusi dalam masyarakat dan keluarga. Teori tersebut digunakan untuk menguatkan hujah dan menjadikan kajian ini lebih matang serta boleh dijadikan rujukan semua pihak. Kajian ini akan meneliti unsur realisme yang wujud dan fungsinya kepada semua pihak berdasarkan teks *Ranjau Sepanjang Jalan*.

1.9 Definisi Istilah dan Konsep

Istilah dan konsep merupakan kata kunci untuk memberi gambaran tentang tumpuan sesebuah kajian yang dijalankan agar lebih tersusun dan tidak melebihi asas tujuan kajian. Menurut Mana Sikana (2015), penyelidikan adalah asas dan latihan untuk individu menjadi seorang intelektual. Proses penyelidikan perlulah dilakukan secara tersusun, tekun dan sistematik oleh seseorang penyelidik. Definisi istilah dan konsep juga menyatakan istilah penting yang terkandung dalam kajian ini.

1.9.1 Realisme

Menurut Gorky (1934) realisme merupakan sebuah aliran yang berfokus kepada fungsi sosial dalam sesebuah masyarakat. Unsur realisme merupakan sebuah realiti sama ada kejadian ataupun perkara yang benar-benar wujud dan masih terjadi dalam masyarakat. Selain itu, pendekatan realisme juga terwujud akibat kegagalan teori Idealisme iaitu pendekatan tertumpu kepada sesebuah andaian seperti sifat manusia yang inginkan keamanan, saling melengkapi dan suka bermasyarakat. Namun, ideologi idealisme dilihat gagal kerana berlaku rusuhan, peperangan bersiri-siri yang begitu dasyat pada abad 17 dan 18. Oleh itu, ideologi realisme diwujudkan untuk melihat perkara yang benar berlaku mengatasi andaian dan sifat semula jadi dalam kehidupan manusia.

Mohd Irwan et al (2016: 19) menyatakan realisme berasal daripada perkataan “real” yang menggambarkan serta merujuk kepada sesebuah keadaan sebenar terjadi. Berdasarkan perkara ini juga realisme sebenarnya cenderung kepada persoalan seperti “apa yang berlaku” dan bukan persoalan “apa yang sepatutnya berlaku” (Suhaizi suhaimi & Helmy Sabtu, 2020). Menurut Mahfudzah Mustafa (1999) menyatakan bahawa realisme merupakan suatu ideologi yang mengambil pengajaran dan pengalaman masa lampau iaitu berdasarkan pemikiran bersifat konservatif, sentiasa berwaspada serta skeptikal berkaitan prinsip asal Idealisme.

1.9.2 Teori Fungsionalisme

Menurut *Kamus Dewan Perdana* (2020) Fungsionalisme bermaksud prinsip dalam seni bina, reka bentuk dan sebagainya yang menekankan bahawa sesebuah perkara dibina perlulah mengetahui fungsi serta kegunaannya. Teori Fungsionalisme diwujudkan berdasarkan pandangan tokoh-tokoh awal seperti Comte, Spencer dan Durkheim. Selain itu, Fungsionalisme juga mempunyai dokongan daripada tokoh moden iaitu Talcott Parsons dan Robert K. Merton. Teori Fungsionalisme akan menganalisis fungsi perlakuan sosial dalam perkara-perkara yang menyumbang kepada penerusan masyarakat. Fatimah Daud (1992) berpendapat teori tersebut menggambarkan masyarakat seperti organisma yang mempunyai tugas dan bahagian tertentu. Hal ini dikatakan demikian kerana bahagian masyarakat akan dikenali sebagai struktur iaitu terdiri daripada ekonomi, politik, agama, pendidikan, adat dan budaya.

Zakiah Jamaluddin (2001), menyatakan bahawa sistem yang terdapat dalam teori Fungsionalisme sukar untuk dikekalkan dalam sistem masyarakat apabila jumlah

masyarakat bertambah dan semakin membesar. Setiap sistem tidak dapat mengawal masyarakat dalam kuantiti yang banyak menyebabkan masyarakat keliru dan mendorong kepada berlakunya perbuatan negatif dalam kehidupan bermasyarakat. Menurut George Ritzer (2012), sesebuah sistem perlulah digunakan oleh semua individu tanpa mengelaskan golongan tertentu. Sesebuah sistem mestilah saling melengkapi, memperbaiki dan meningkatkan motivasi individu sama ada yang menggubal undang-undang ataupun pengguna undang-undang itu.

1.10 Organisasi Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji membahagikan kajian kepada lima bab. Pembahagian organisasi kajian dilakukan agar proses penyelidikan berjalan dengan lancar secara teratur, tersusun dan kemas.

Bab Satu

Bab ini merangkumi pendahuluan yang membincangkan tentang pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, metodologi kajian, definisi istilah dan konsep, organisasi kajian yang bakal dilakukan serta kesimpulan.

Bab Dua

Dalam bab ini akan membicarakan tentang kajian literatur yang merangkumi tinjauan sorotan kajian lepas daripada pelbagai sumber yang jelas seperti pengkajian berkaitan realisme dalam kesusasteraan Melayu moden, pengkajian mengenai Shahnnon Ahmad dan

teks *Ranjau Sepanjang Jalan*, pengkajian tentang teori Fungsionalisme dan diakhiri dengan kesimpulan.

Bab Tiga

Dalam bab ini pula akan menyatakan metodologi kajian seperti cara yang digunakan untuk melakukan kajian. Teknik yang digunakan adalah kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan mengumpul data dari sumber internet. Kaedah analisis teks pula akan menggunakan buku *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad. Teori Fungsionalisme berdasarkan pandangan Talcott Parsons juga digunakan untuk menganalisis dan mendapatkan hasil dapatan kajian.

Bab Empat

Dalam bab ini terdiri daripada analisis dan hasil dapatan kajian. Secara khususnya bab empat akan mengandungi unsur realisme yang terdapat dalam karya *Ranjau Sepanjang Jalan*. Selain itu, membincangkan fungsi-fungsi realisme dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* kepada masyarakat. Seterusnya, mengaplikasikan teori Fungsionalisme terhadap unsur realisme dalam *Ranjau Sepanjang Jalan*.

Bab Lima

Bab ini merupakan bab penutup yang akan mengandungi rumusan perbincangan serta dapatan kajian bagi menjawab segala persoalan kajian yang diketengahkan. Kesan kajian dan saranan serta cadangan kajian akan datang juga terdapat dalam bab ini.

1.11 Kesimpulan

Kajian ini merupakan sebuah kajian berkualiti iaitu unsur realisme yang terdapat dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad. Pengkaji juga menjelaskan tujuan dan sebab utama kajian ini perlu disokong untuk dihasilkan. Pengkaji berasa terpanggil untuk meneruskan kajian ini bagi memenuhi keperluan semua pihak pada masa akan datang. Pelbagai persoalan yang wujud menyebabkan timbul objektif untuk mengenal pasti unsur realisme dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad. Beliau bukan orang sembarangan kerana beliau juga seorang yang bergiat aktif dalam bidang politik. Hal ini menunjukkan kematangan dan sifat peduli beliau yang sangat tinggi serta perlu diikuti oleh pengkarya lain terutamanya generasi muda pada masa ini. Setiap perkara yang berkaitan dengan kajian telah pun diwujudkan untuk mengisi kelompongan sorotan kajian lepas iaitu dengan beberapa-beberapa artikal, tesis dan buku. Namun tajuk serta kupasan ini belum diambil perhatian oleh mana-mana penyelidik. Oleh itu, dengan adanya semua keperluan kajian maka pengkaji berharap dapat menjalankan kajian ini dengan lebih mendalam dan memenuhi kelompongan penyelidikan pada masa akan datang.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Kajian literatur adalah sebuah kajian sistematik untuk meneliti permasalahan kajian yang sedang dijalankan. Dalam proses ini pengkaji akan menilai kajian-kajian yang telah dilakukan oleh orang lain serta mencari kelompongan sesebuah kajian itu untuk diisi agar sesebuah perkara yang dikaji dapat dinyatakan dengan sempurna. Amani Dahaman (2011) berpendapat kajian literatur adalah analisis sorotan kajian lepas melalui bahan-bahan ilmiah seperti jurnal, buku dan tesis untuk mengumpul sebanyak mana maklumat penyelidikan tentang permasalahan kajian yang dijalankan. Kajian-kajian lepas merupakan kajian mengenai realisme, teks *Ranjau Sepanjang Jalan*, Shahnnon Ahmad dan juga teori Fungsionalisme. Semua kajian lepas yang ambil adalah dari dalam dan luar negara. Setelah pengumpulan data dan sorotan kajian lepas dilakukan, pengkaji mendapati bahawa ada beberapa kajian yang hampir sama telah dibuat sebelum ini. Namun begitu, masih ada kelompongan kajian iaitu unsur realisme berdasarkan teori Fungsionalisme yang belum dikaji dalam karya Shahnnon Ahmad iaitu *Ranjau Sepanjang Jalan*.

2.2 Pengkajian berkaitan Realisme dalam Kesusasteraan Melayu Kontemporari

Yau Chee Theng (2015), menulis dalam kajian beliau iaitu “Realisme dalam Cerpen-erpen Dua Penulis Mahua di Malaysia”. Kajian ini dilakukan untuk memperoleh Ijazah

Sarjana Sastera di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Tujuan kajian tersebut dilakukan untuk melihat kehidupan sebenar masyarakat Cina di Malaysia yang digambarkan melalui cerpen *Mahua*. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk menjawab persoalan cerpen *Mahua* menggunakan teori cerminan Georg Lukacs. Kajian ini juga akan mengaitkan realiti masyarakat Cina Malaysia dengan cerpen *Mahua*. Objektif lain kajian ini juga melihat cerpen *Mahua* dari segi pemikiran penulis cerpen itu sendiri. Terdapat pemilihan tokoh untuk menjalankan kajian tersebut iaitu Tuo Ling dan Yun Lifeng kerana kedua ini merupakan tokoh sastera yang terulung serta merupakan aliran realisme dalam kebanyakan hasil karya mereka. Sebanyak tujuh puluh lima hasil karya tokoh tersebut sudah dianalisis untuk menjalankan kajian tersebut. Kajian tersebut juga melihat realiti masyarakat Cina Malaysia yang hidup di Malaysia sama ada berlaku seperti yang digambarkan dalam cerpen ataupun tidak. Kajian ini juga untuk menghakis kritikan terhadap cerpen *Mahua* yang dianggap kurang berkualiti. Hasil kajian ini membuka mata semua pihak tentang kebaikan penulis cerpen tersebut serta membuka minda mereka yang terlalu dalam mengkritik cerpen *Mahua*. Hal ini dikatakan demikian kerana cerpen *Mahua* sebenarnya banyak mencerminkan dan mengetengahkan nilai antara kaum serta masyarakat majmuk di Malaysia.

Elsie Jalin (2013), menulis dalam kajian beliau iaitu “Realisme dalam Dokumentari”. Kajian ini dilakukan untuk memperoleh Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Sinematografi) di Universiti Malaysia Sarawak. Tujuan kajian ini dilakukan untuk melihat hasil unsur realisme dalam filem dokumentari dengan menggunakan cara *observational* dan *participatory*. Objektif kajian ini adalah untuk melihat unsur realisme yang wujud dalam dokumentari serta menilai tahap keberkesanan elemen fiksyen dalam filem dokumentari. Kajian ini juga menggunakan kaedah analisis

filem iaitu *Old Partner* (2008) dan *Up the Yangtze* (2008). Lanjutan kajian ini juga menghasilkan satu filem pendek iaitu bertajuk *So Close yet So Far*. Filem pendek juga dihasilkan bagi menyokong kajian yang dilakukan oleh pengkaji dan mendapati wujud unsur-unsur realisme dalam filem pendek tersebut. Banyak unsur realisme yang dibawa dalam dokumentari tersebut iaitu nilai kasih sayang serta kekeluargaan yang wujud dalam filem *Old Partner* (2008) kepada penonton dan masyarakat.

Roziyah & Asmiaty (2018), menulis dalam kajian bertajuk “Elemen Realisme magis yang tidak dapat Dijelaskan (The Irreducible Element) dalam Kumpulan Cerpen *Laron* (2010) Oleh Jasni Matlani”. Jurnal ini diterbitkan oleh Gendang Alam Universiti Malaysia Sabah. Kajian jurnal ini dilakukan untuk menganalisis kumpulan cerpen *Laron* karya Jani Matlani sama ada wujud unsur realisme magis ataupun tidak. Semasa melakukan kajian ini pengkaji telah menganalisis beberapa cerpen iaitu “*Laron*”, “*Di Bawah Pohon Angsana*” dan lain-lain. Penelitian ini dilakukan untuk melihat gaya penulisan realisme magis berdasarkan aliran Wendy B. Kajian ini hanya tertumpu kepada dua elemen iaitu bunyi dan watak. Dapatan kajian ini mendapati penulisan Jasni Matlani bersesuaian dengan karya realisme magis dan membawa unsur tersebut di dalam semua hasil karya beliau.

Asyraff jamin & Mary Fatimah (2021), menulis dalam kajian bertajuk “Realisme Ekonomi Masyarakat dalam Karya Indie”. Jurnal ini diterbitkan oleh *Asia People Journal* Universiti Sultan Zainal Abidin. Tujuan kajian ini dilakukan untuk menganalisis nilai estetika dan realisme yang berlaku dalam masyarakat berdasarkan prinsip Georg Lukacs. Objektif kajian ini juga untuk melihat pemikiran pembangunan ekonomi dalam karya

Indie dan memperbetulkan pandangan masyarakat terhadap karya Indie. Karya Indie dikatakan tidak diterima sepenuhnya oleh masyarakat kerana menganggap karya itu tidak sesuai dan membawa unsur negatif. Kajian ini juga membuktikan bahawa Karya Indie mempunyai unsur realisme dan karya tersebut juga mendedahkan masyarakat kepada kepentingan kekuasaan ekonomi kepada negara.

Azwar Asrudin (2014), menulis dalam tajuk kajian beliau iaitu “Thomas Kuhn dan Teori Hubungan Internasional: Realisme Sebagai Paradigma”. Jurnal ini diterbitkan oleh Indonesia *Journal of International Studies* (IJIS). Tujuan kajian ini dilakukan untuk mengkritik penulis berkaitan pendapat Peter Van Ness terhadap paradigma realisme. Kajian merujuk kepada karya Thomas Kuhn mengenai pergeseran paradigma iaitu Van Ness berpendapat bahawa realisme sebagai sains biasa dalam teori hubungan antarabangsa. Pengkaji kajian ini menganggap Van Ness sekadar sebuah retorik akademik semata-mata tanpa menilai beberapa fakta lain dalam mendalami ilmu hubungan antarabangsa.

Maimunah & Washima (2019), menulis dalam tajuk kajian iaitu “Pemartabatan ‘Realiti’ dan ‘Realisme’ ke Status Konvensi Sastera dalam Kesusasteraan Melayu”. Jurnal ini diterbitkan oleh BITARA *International Journal of Civilizational Studies and Human Science*. Tujuan kajian jurnal ini adalah memartabatkan realisme ke status konvensi dalam kesusasteraan Melayu. Objektif kajian ini adalah untuk mencabar pandangan Barat yang menjadikan realisme sebagai tema penting dalam sesebuah karya. Penggunaan realisme perlu bertepatan dan perlu digunakan dengan perkataan sesuai yang melambangkan identiti bangsa. Unsur realisme tidak boleh sembarangan digunakan dan

terus diambil kerana boleh menjejaskan nilai keindahan sesebuah teks sastera. Hasil kajian ini mendapati setiap unsur realisme wajar dipertahankan dan menjadi unsur yang sah dalam sastera serta digunakan oleh semua pihak.

Suhaizi suhaimi & Helmy Sabtu (2020), menulis dalam kajian yang bertajuk *Realisme dan Keseimbangan Kuasa: Kajian terhadap Negara Terpilih*. Buku ini diterbitkan oleh MSS pada tahun 2020. Kajian buku ini adalah untuk menjelaskan perhubungan antarabangsa dan peraturan yang sistematik daripada beberapa aspek. Realisme adalah cara dan pemikiran yang baik dalam merancang serta mengkaji hubungan antara sesebuah negara dengan negara lain. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan cara ini sesebuah negara akan melakukan apa sahaja demi menjaga keselamatan negara walaupun sehingga peringkat menukar pucuk pimpinan. Buku ini menyatakan realisme pada zaman perang mempunyai ideologi yang lebih sistematik dan membawa realiti sebenar. Setiap pertembungan berlaku adalah kerana pertindihan pendapat dan ideologi yang boleh menyebabkan peperangan. Dalam buku ini menyatakan realisme kuasa lebih baik daripada idealisme dan liberalisme kerana realisme lebih mementing rakyat serta masyarakat. Manakala, idealisme dan liberalisme pula lebih mementing individu, takhta dan golongan tertentu sahaja.

2.3 Pengkajian mengenai karya Shahnnon Ahmad

Kathirasan Doraisamy (2004), menulis disertasi tajuk kajian beliau iaitu “Pemikiran Shahnnon Ahmad dan Naguib Mahfouz dalam Novel-novel Terpilih: Satu Perbandingan”. Penyelidikan ini bertujuan memenuhi keperluan Ijazah Doktor Falsafah di Universiti Malaya. Antara tujuan kajian ini adalah untuk membandingkan hasil karya-karya Melayu

dihasilkan oleh pengkarya yang menerima pengiktirafan antarabangsa. Menurutnya lagi Shahnnon Ahmad telah mencapai taraf antarabangsa dengan hasil karya yang dibawa olehnya. Beliau juga menyatakan hasil karya pada tahun 70-an lebih baik dan berkesan apabila penulis pada zaman itu menunjukkan peningkatan dalam teknik penulisan serta elemen yang dimasukkan juga kelihatan lebih matang. Selain itu, dalam kajian beliau menyatakan berlaku penurunan dan sedikit ketinggalan pada tahun 80-an akibat sebab-sebab tertentu namun hasil karya pada lingkungan tahun tersebut masih lagi setaraf serta setanding dengan pencapaian tahun 60-an yang cukup baik.

Roslan Chin (2017), menulis disertasi dalam kajian beliau yang bertajuk “Kematian dalam Karya Terpilih Shahnnon Ahmad”. Kajian ini dilakukan bagi memenuhi syarat memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Kesusasteraan Melayu) di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tujuan kajian ini dilakukan adalah menganalisis unsur kematian watak serta unsur alam seperti perkara aneh sebelum kematian yang digambarkan dalam karya Shanon Ahmad. Kajian ini juga mengkaji unsur kematian dengan menggunakan perspektif Islam berdasarkan *al-Quran*, hadis dan ijmak ulama. Kajian ini juga lebih tertumpu kepada kematian dua pemimpin dan kesan alam terhadap kematian daripada dua jenis pemimpin itu. Pemimpin yang meninggal dalam keadaan sejahtera akan diiringi dengan kebaikan. Namun, pemimpin kematiannya disebabkan azab dan siksa maka kejadian aneh alam akan berlaku serta kejadian yang janggal akan dirasai oleh keluarga ataupun masyarakat sekitarnya. Hasil kajian ini mendapati Shahnnon Ahmad mempunyai pemikiran yang cerdas dengan menyatakan isu masyarakat dalam karyanya. Kajian ini juga memberi gambaran kewujudan elemen yang dinyatakan oleh Shahnnon Ahmad adalah benar-benar terjadi dan harus diambil ikhtibar oleh semua pihak.

Zariat Abdul Rani (2008), menulis dalam tajuk kajian iaitu “Karya Mithali Sastera Islam”? Satu Penilaian Kritis terhadap Novel *TIVI* Karya Shahnnon Ahmad. Jurnal kajian ini diterbitkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia, *Press Tradition of Malay Islamic Letters*. Tujuan kajian tersebut dilakukan adalah bertujuan untuk melihat tentang konsep sastera Islam dan kaitan hubungan tradisi persuratan Melayu serta sastera barat-modern. Pertembungan yang telah berlaku menyebabkan wujud masalah kefahaman dalam mentafsir sastera Islam. Dalam kajian itu juga mendapati penyampaian makna yang ingin disampaikan oleh kebanyakan pengkarya berkonsepkan Islam dilitupi dengan penyampaian cerita bersifat erotik. Selain itu, mereka menjelaskan bahawa cara penulisan yang tidak tepat telah menjadikan novel *TIVI* sebagai novel picisan yang mana telah menutup elemen Islam sebagai pokok dalam karya tersebut.

Azhar Ali (2009) menulis disertasi tajuk kajian beliau iaitu “Pemikiran Politik dan Pembinaan Negara Bangsa dalam Novel Terpilih Shahnnon Ahmad dan Putu Wijaya: Satu Kajian Bandingan”. Kajian ini dilakukan bagi memenuhi keperluan Doktor Falsafah di Universiti Sains Malaysia. Tujuan kajian tersebut dilakukan adalah untuk melihat perbandingan politik serta pembinaan negara bangsa dalam beberapa hasil karya Shahnnon Ahmad dan Putu Wijaya. Konsep daripada Tudor Jones telah digunakan dalam kajian tersebut. Lima konsep yang digunakan adalah kedaulatan, tanggungjawab politik, hak-hak manusia, kebebasan dan kesamaan. Menurut beliau juga Shahnnon Ahmad lebih bebas berkarya berbanding Putu Wijaya kerana keadaan politik di Malaysia pada masa itu lebih terbuka berbanding di Indonesia yang sedikit terhad.

Ahmad et al, (2018) menulis dalam kajian iaitu “Permasalahan Sosial dan Agama dalam Novel Terpilih Najib Mahfuz dan Shahnnon Ahmad”. Kajian ini diterbitkan dalam *international conference on Islamiyat studies 2018*. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk meneliti masalah yang diketengahkan oleh Najib Mahfuz dan Shanon Ahmad berkaitan dengan soal-soal keagamaan dalam karya kreatif yang mereka hasilkan. Kajian ini dilakukan berdasarkan dua aspek iaitu aspek berkaitan pemikiran yang mana merangkumi akidah dan kepercayaan manakala aspek seterusnya adalah berbentuk fizikal yang merangkumi amalan hidup serta cara hidup seseorang. Selain itu juga, kajian ini menyatakan karya yang dihasilkan oleh Shahnnon Ahmad lebih serius membincangkan isu berkaitan dengan agama Islam berbanding Najib Mahfuz.

Arba'ie Sujud et al (2015), menulis dalam kajian yang bertajuk “Pemikiran Politik: Pemimpin dan Kepemimpinan dalam Novel Shahnnon Ahmad”. Jurnal kajian ini diterbitkan dalam *International Journal of the Malay World and Civilisation*. Tujuan kajian ini dilakukan untuk menganalisis novel *Shit* dan novel *Patriarch* berdasarkan pemikiran politik Shahnnon Ahmad. Kehebatan Sasterawan negara Malaysia tidak boleh dinafikan lagi kerana banyak hasil karya beliau memiliki nilai estetika yang tersendiri. Beliau juga merupakan ahli politik dan gaya pemikiran beliau juga lebih tertumpu kepada isu semasa rakyat di sesebuah kawasan. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan teori Konseptual Kata Kunci agar hujah yang disampaikan dapat disandarkan berdasarkan teori itu. Hasil kajian mendapati Shahnnon Ahmad sememangnya mempunyai ideologi politik dan pemikiran politik ini diserap ke dalam karya-karya beliau untuk membawa isu-isu berkaitan dengan masyarakat.

Azman Ismail (2018), menulis dalam kajian beliau bertajuk “Novel-Novel Shahnnon Ahmad dalam Perspektif Etnografi Semantik”. Jurnal ini diterbitkan dalam Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN) pada tahun 2018. Tujuan kajian ini untuk melihat sejauh mana budaya masyarakat Melayu yang diterapkan oleh Shahnnon Ahmad dalam penghasilan karya beliau. Kajian ini juga memberi fokus kepada sembilan karya dengan meneliti sosiopolitik, sosioekonomi dan psikososial yang menjadi fokus utama Shahnnon Ahmad. Kebanyakan teks Shahnnon Ahmad, beliau banyak menyentuh perkara yang berkaitan dengan budaya, agama, adat resam serta unsur sosial dalam masyarakat. Hasil kajian mendapati novel-novel yang dikaji semuanya berjaya mengetengahkan budaya masyarakat Melayu terutamanya perkerjaan kampung, kemiskinan dan juga pemikiran politik.

Yusof Hasan (1990), menulis dalam tajuk buku beliau iaitu *Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad*. Buku ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka cetakan pertama 1990. Buku ini memaparkan peribadi dan isu penting berkaitan karya Shahnnon Ahmad. Buku ini menyatakan latar belakang Shahnnon Ahmad merupakan anak kelahiran negeri Kedah serta menceritakan sedikit biografi ayahnya iaitu Haji Ahmad bin Haji Abu Bakar. Karya popular juga digambarkan melalui buku ini dengan melihat penggunaan gaya bahasa Shahnnon Ahmad dalam *Ranjau Sepanjang Jalan*. Dalam buku ini menyatakan Shahnnon Ahmad menyoal berkaitan pemerintahan negara pada masa itu dan apa yang telah dilakukan oleh kerajaan selepas 12 tahun merdeka dengan menggunakan cara dingin iaitu tanpa menyalahkan mana-mana pihak. Buku ini boleh dijadikan sebagai rujukan ilmiah untuk mengetahui kehebatan dan pemikiran Shahnnon Ahmad dalam hasil karya beliau.

Morni Hussin (2018), menulis disertasi dalam kajian beliau yang bertajuk “Aspek Ketuhanan dan Kemanusiaan dalam Novel Terpilih Tiga Sasterawan Negara”. Penyelidikan ini dilakukan untuk memenuhi keperluan Ijazah Doktor Falsafah di Universiti Putra Malaysia. Tujuan kajian ini dilakukan untuk mengkaji pemikiran sasterawan negara serta meneliti hasil daripada beberapa sudut iaitu pemikiran dalam agama, aspek ketuhanan dan sebagainya. Kajian ini meneliti tiga teks iaitu *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966) karya Shahnnon Ahmad, *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* (1979) karya Dato’ Dr. Mohd Anwar Ridhwan serta teks *Dan Malam Apabila Ia Berlalu* (1995) karya Datuk Abdullah Hussain. Pemikiran sasterawan sangat sistematik serta menyeluruh melangkaui isu kaum, masyarakat dan negara. Objektif utama kajian ini adalah untuk meneliti hubungan antara masyarakat yang telah dibawakan oleh sasterawan dalam hasil karya mereka. Pemikiran hubungan manusia dengan pencipta juga dikaji dan hubungan manusia dengan alam. Kajian ini merangkumi tiga kaitan iaitu manusia, pencipta dan juga alam. Hasil kajian yang telah dilakukan mendapati sumbangan pemikiran sasterawan negara dalam penulis sebenarnya membawa kepada pembangunan agama, bangsa dan negara. Hal ini dikatakan demikian kerana pada zaman pasca kemerdekaan negara hasil karya merekalah yang menguatkan jati diri serta ketahanan dalam diri individu dan masyarakat di Malaysia.

Hashim Ismail (2007), menulis dalam tajuk kajian beliau “Sejarah Penulis Novel di Malaysia: Isu dan Cabaran”. Jurnal kajian ini diterbitkan dalam Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 18 pada tahun 2007. Tujuan kajian ini dilakukan untuk melihat sumbangan dan fungsi seseorang pengkarya dalam menggerakkan pembangunan negara bermula zaman pra kemerdekaan negara sehingga 2006 (Tahun kajian dilakukan). Selain itu kajian ini juga untuk melihat nilai-nilai yang diterapkan melalui hasil karya sastera oleh

pengkarya-pengkarya pada zaman tertentu. Kajian ini juga menganalisis pencapaian hasil karya dalam negara sama ada setanding dengan negara luar ataupun tidak. Dalam kajian ini menyatakan karya *Ranjau Sepanjang Jalan* mempunyai identiti tersendiri dan keluar dari pemikiran karya yang dihasilkan sebelum itu. Hal ini mengangkat karya tersebut sebagai karya yang hebat serta benar-benar membawa isu masyarakat. Hasil kajian mendapati peranan teks karya banyak memberi sumbangan dan inti pati sesebuah teks boleh dijadikan sebagai rujukan kajian berkaitan pembangunan modal insan pada masa akan datang.

Halimah Mohamed Ali (2013), menulis kajian beliau yang bertajuk “Is Shahnnon Ahmad’s *Ranjau Sepanjang Jalan* a Tragedy?”. Kajian ini diterbitkan oleh *Academic Star Publishing Company* pada tahun 2013 dalam *Journal of Modern Education Review*. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk menganalisis perbandingan kejadian plot atau peristiwa dan watak yang wujud dalam *Ranjau Sepanjang jalan* dengan *The Poetics* karya Aristoteles. Objektif kajian ini juga untuk mengesahkan teks *Ranjau Sepanjang Jalan* sebagai tragedi ataupun tidak. Kajian ini menyatakan perkara realiti dimasukkan dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* kerana plot penceritaan yang berakhir dengan keburukan dan perjalanan plot dilakukan secara sederhana. Dalam plot juga boleh terjadi tanpa ada watak iaitu Lahuma yang memotong duri dikakinya dengan menggunakan pisau cukur dan menyebabkan sakitnya semakin teruk. Hasil kajian mendapati novel *Ranjau Sepanjang Jalan* adalah sebuah karya yang tragis iaitu dengan bawaan plot serta keburukan yang digambarkan dalam novel tersebut.

2.4 Pengkajian tentang Teori Fungsionalisme

Jacinta & Asmiaty (2021), menulis dalam kajian bertajuk “Sistem Bombon: Fungsionalisme Struktural Terhadap Masyarakat Kadazandusun di Kiulu, Tuaran, Sabah”. Kajian ini telah diterbitkan dalam Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu Jilid 14 pada Januari 2021. Tujuan kajian ini dijalankan untuk melihat fungsi Bombon kepada masyarakat dan juga alam dalam kepercayaan kaum Kadazandusun. Bombon merupakan pemeliharaan ikan secara semula jadi yang diamalkan oleh masyarakat Kadazandusun di Sabah. Kajian ini juga menyatakan tujuan asal bombon dilakukan untuk menjaga hubungan manusia dengan alam dan makhluk ghaib yang menjadi kepercayaan masyarakat sejak dahulu lagi. Sungai akan dibahagikan kepada beberapa zon iaitu hijau, kuning dan merah. Kawasan hijau adalah kawasan bebas dan boleh menangkap ikan pada bila-bila masa manakala zon kuning hanya dua atau tiga kali dalam setahun. Bagi kawasan merah pula hanya setahun sekali dan memerlukan persetujuan pemilik, penjaga Bombon serta ketua adat. Dalam kajian ini menyatakan Bombon boleh mengawal isu pencemaran sungai dan menjaga kualiti air secara berterusan. Hasil kajian mendapati tradisi Bombon masih diamalkan sehingga hari ini namun aktiviti ini berkurang akibat kemajuan pesat dalam sistem teknologi.

Ida Zahara (2017), menulis dalam kajian beliau bertajuk “Struktural Fungsional Robert K. Merton: Apalikasinya dalam Kehidupan Keluarga”. Tujuan kajian ini dilakukan untuk meneliti fungsi struktural fungsional dalam kehidupan keluarga. Setiap ahli keluarga mempunyai peranan masing-masing dan saling melengkapi antara satu sama lain untuk mencapai sesebuah kebahagiaan. Kajian ini membahagikan teori struktur kepada dua aspek iaitu aspek struktural dan aspek fungsional. Pada aspek struktural akan

melihat tugas seseorang dalam keluarga contohnya suami perlu memberi nafkah kepada isterinya manakala isteri pula harus mengurus rumah tangga dan membantu suami menjaga anak. Aspek fungsional pula melihat fungsi ahli keluarga itu sendiri seperti tugas bapa mencari nafkah untuk keluarga dan merancang aktiviti bagi memenuhi keperluan sosial ahli keluarga yang lain. Hasil kajian ini mendapati struktur fungsi dalam masyarakat sentiasa wujud dan berulang serta perkara ini penting agar sesebuah institusi, organisasi mahupun keluarga dapat berfungsi dengan baik secara seimbang.

Ayuni Husin & Amir Hasan (2019), menulis kajian yang bertajuk “Peranan Sekolah dalam Pembentukan Perpaduan antara Kaum dalam Kalangan Pelajar”. Kajian ini diterbitkan dalam Jurnal Pendidikan Bitara UPSI pada tahun 2019. Tujuan kajian ini dilakukan bagi melihat fungsi persekolahan untuk mengeratkan hubungan antara kaum berdasarkan teori Fungsionalisme. Kajian ini juga meneliti isu yang menyebabkan masalah kaum serta langkah-langkah yang diambil oleh pihak sekolah bagi mengeratkan hubungan antara kaum. Objektif lain juga menganalisis cabaran yang perlu dihadapi oleh pihak sekolah dalam membentuk perpaduan antara kaum dalam kalangan pelajar. Masalah perkauman ini dikatakan wujud kerana adanya sekolah vernakular yang tidak selaras dan tidak menggunakan sukatan Pelajaran Kebangsaan Malaysia. Hasil kajian mendapati sekolah adalah permulaan semua isu yang melibatkan kaum sama ada baik atau buruk. Oleh itu, semua sekolah harus memainkan peranan penting untuk mengeratkan perpaduan kaum melalui apa cara sekalipun agar keharmonian antara kaum di Malaysia dapat dikekalkan pada tahap yang baik pada masa akan datang.

Samsul Bahri (2016), menulis kajian beliau yang bertajuk “Perspektif Teori Fungsionalisme tentang Ketahanan Sistem Pendidikan Pesantren”. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk melihat ketahanan institusi iaitu pesantren (sekolah pondok) dalam menyebarkan ilmu dan dakwah pada masa ini. Sekolah pondok merupakan sekolah agama yang menumpukan kepada ajaran Islam dan akhlak dalam kalangan masyarakat di Indonesia. Kajian ini menggunakan teori struktural fungsional untuk melihat fungsi dan organisasi dalam masyarakat yang menyebabkan sekolah pondok masih menjadi pilihan ibu bapa di Indonesia. Setiap negara mempunyai sekolah agama begitu juga Malaysia yang mempunyai sekolah pondok dan sekolah agama serta bukan sahaja menitik berat tentang akademik tetapi juga pendidikan agama. Hasil kajian ini mendapati sekolah pondok mempunyai nilai yang tersendiri dari segi pembentukan akhlak pelajar, jati diri serta pendidikan berlandaskan perlembagaan negara.

Zakiah Jamaluddin (2001), menulis dalam tajuk kajian beliau iaitu “Masalah Sosial Remaja: Tinjauan daripada Perspektif Sosiologi”. Kajian ini di tulis dalam buku “Dimensi-dimensi Pembangunan Sosial” di Universiti Utara Malaysia. Tujuan kajian ini untuk melihat masalah sosial yang berlaku dalam kalangan remaja menggunakan perspektif sosiologi. Masalah sosial kalangan remaja sering dikaitkan berpunca daripada masyarakat itu sendiri tidak cakna dan mengambil tahu perkara negatif yang dilakukan oleh para remaja. Dalam kajian juga menggunakan teori Fungsionalisme untuk melihat manusia sebagai benda hidup yang bernafas, mempunyai pancarindera, jantung dan sebagainya. Perkara ini dijadikan cerminan dalam masyarakat yang mana setiap masyarakat mempunyai fungsi-fungsi tertentu dan sesebuah masyarakat akan rosak jika sesetengah bahagian tidak berfungsi dengan baik. Hasil kajian ini mendapati semua pihak perlu bekerja sama untuk menyelesaikan masalah sosial yang berlaku dalam kalangan

masyarakat. Hal ini kerana jika tidak dibendung dengan baik maka masalah ini akan menjadi barah dan kerosakan yang teruk akan berlaku dalam institusi masyarakat pada masa akan datang.

2.5 Kesimpulan

Kesimpulannya, unsur realisme merupakan sebuah unsur yang sangat baik untuk mendekati masyarakat dengan teks-teks sastera. Penggunaan unsur ini juga menunjukkan keprihatinan pengarang terhadap isu-isu semasa serta masalah yang dihadapi berkaitan dengan masyarakat, agama, bangsa dan juga negara. Karya yang dihasilkan oleh Shahnnon Ahmad tidak boleh dipertikaikan lagi kerana banyak hasil penelitian kajian yang menyatakan kehebatan dan pemikiran sasterawan negara tersebut. Hasil karya dan pemikiran Shahnnon Ahmad juga telah berjaya mengangkat nama beliau bukan sahaja dalam negara tetapi di persada antarabangsa.

Walaupun, pengkaji mendapati masih ada ruang-ruang dan kelompongan kajian yang boleh diisi berkaitan unsur realisme dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* menggunakan teori Fungsionalisme. Isu masyarakat dan fungsi organisasi dalam masyarakat serta keluarga menjadi isu utama kajian ini. Setiap komuniti dalam masyarakat mempunyai fungsi tertentu dan setiap fungsi perlu seimbang serta menjalankan fungsi dengan baik untuk mencapai kehidupan yang harmoni dalam masyarakat. Berdasarkan kajian literatur yang dijalankan, dapat dirumuskan bahawa teks-teks karya Shahnnon Ahmad banyak memasukkan unsur realisme berkaitan fungsi kerajaan, rakyat, keluarga dan juga individu dalam kehidupan seharian masyarakat di Malaysia.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab tiga akan membincangkan tentang kaedah serta cara yang diguna pakai untuk menganalisis unsur realisme dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad bagi mendapatkan hasil kajian yang berkualiti dan boleh dipercayai. Bahagian ini juga akan menjelaskan struktur kajian, kaedah kajian dan cara menganalisis teks. Kaedah pengumpulan data juga digunakan untuk menganalisis dan kaedah ini dibahagikan kepada beberapa langkah iaitu melakukan pembacaan data dengan merujuk teks *Ranjau Sepanjang Jalan*. Selepas itu, pemilihan data akan dilakukan untuk menilai sesuatu data yang diperolehi sesuai ataupun tidak dan langkah seterusnya akan membahagikan data mengikut objektif kajian yang telah dikenal pasti. Cara penggunaan teori Fungsionalisme juga akan diterangkan melalui beberapa aspek seperti peranan sosial dalam masyarakat dan peranan institusi tertentu untuk menyumbang penerusan dalam sistem kemasyarakatan.

3.2 Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian dicipta untuk mengetahui hala tuju kajian ini supaya dapat dijalankan dengan mengikut landasan yang betul dan tersusun. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif semasa mengumpul, meneliti serta menganalisis sesebuah maklumat dan data yang diperolehi oleh pengkaji. Rekabentuk kajian juga akan menggambarkan secara

ringkas struktur dan kaedah semasa melakukan kajian ini. Struktur ini juga tertumpu kepada objektif kajian yang hendak dicapai serta menjadi hala tuju untuk menganalisis realisme dalam *Ranjau Sepanjang jalan*. Kewujudan struktur ini juga menjadikan inti pati dan hasil kajian mudah difahami serta dapat disampaikan dengan jelas dalam penelitian kajian ini. Teori Fungsionalisme menjadi asas untuk meneliti peranan sosial yang dimainkan oleh masyarakat serta menilai sejauh mana fungsi tersebut dalam memberi kelangsungan terhadap sistem sosial masyarakat dan keluarga dalam *Ranjau Sepanjang Jalan*. Teori Fungsionalisme yang diasaskan oleh Auguste Comte, Herbrt Spencer dan Emile Durkheim melalui pendekatan Talcott Parsons sangat sesuai digunakan untuk mengkaji sistem sosial dalam masyarakat. Perkara tersebut berkaitan dengan persefahaman dan kestabilan yang wujud dalam *Ranjau Sepanjang Jalan*. Teori ini juga menggambarkan pentingnya peranan seperti ketua kampung, ketua keluarga, imam, jiran dan sebagainya dalam melakukan sesebuah urusan berkaitan dengan masyarakat.

Rekabentuk kajian yang dilakukan dalam penyelidikan ini lebih tertumpu kepada solusi serta cara untuk memperoleh hasil analisis bagi menjawab persoalan-persoalan yang telah ditimbulkan. Perkara ini juga merupakan kaedah untuk mencapai objektif-objektif yang hendak dicapai oleh penyelidik. Objektif-objektif kajian tersebut adalah:-

- 1) Mengenal pasti unsur-unsur realisme dalam karya *Ranjau Sepanjang Jalan*.
- 2) Mengaplikasikan teori Fungsionalisme dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad
- 3) Membincangkan peranan realisme dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* kepada pemikiran masyarakat.

Seterusnya, untuk mencapai objektif tersebut pengkaji berusaha semampu mungkin untuk membuat dan mencipta kaedah serta solusi untuk merealisasikan tujuan asal kajian ini dilakukan. Sebelum pengkaji menggunakan tajuk kajian ini, telah berlaku beberapa proses penilaian serta melakukan tinjauan-tinjauan terhadap beberapa pengkajian sebelum ini. Perkara tersebut dilakukan bagi mengelak sebarang masalah pertindihan tajuk dengan pengkaji yang lain. Setelah melalui proses pemilihan tajuk, pengkaji mula menganalisis teks *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad dan skop kajian hanya tertumpu kepada teks tersebut. Setiap data yang diperolehi oleh pengkaji akan dianalisis sebelum dijadikan hujah dalam dapatan kajian.

3.3 Kaedah Kajian

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian teks *Ranjau Sepanjang Jalan* ditulis oleh sasterawan negara kedua iaitu Shahnnon Ahmad. Kajian ini akan dijalankan secara kualitatif. Karya tersebut yang mengandungi 24 bab akan diteliti dan diselami berkaitan aspek realisme serta fungsinya yang diketengahkan oleh penulis. Pembacaan teks juga dilakukan untuk mengetahui inti pati serta maklumat yang dipaparkan dalam teks *Ranjau Sepanjang Jalan*. Berdasarkan pembacaan teks, pengkaji dapat mengetahui unsur realisme yang diketengahkan oleh pengarang dan menganalisis unsur realisme yang diterapkan dalam karya tersebut. Dalam kaedah ini juga semua gambaran dan peristiwa yang berlaku akan dicatat dan pengkaji menyenaraikan perkara-perkara yang wujud dalam teks seperti digambarkan oleh penulis.

Kajian kepustakaan dan internet juga dilakukan untuk menguatkan lagi hujah berdasarkan kajian teks. Teks *Ranjau Sepanjang Jalan* berlatarkan kehidupan masyarakat

petani miskin dan kajian ini akan memberi fokus kepada unsur realiti yang diwujudkan oleh penulis berkaitan dengan perkara yang benar-benar berlaku dalam kehidupan masyarakat. Kajian ini juga akan menjadikan teori Fungsionalisme sebagai asas unsur realiti yang diterapkan dalam *Ranjau Sepanjang Jalan*. Secara jelasnya, unsur realisme merujuk kepada situasi yang benar-benar berlaku dalam masyarakat seperti isu kemiskinan yang digambarkan dalam sesebuah hasil karya untuk menyedarkan individu, masyarakat dan juga kerajaan.

3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Kaedah ini akan tertumpu kepada pencarian bahan di perpustakaan. Pengkaji mendapatkan bahan kajian daripada Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Perpustakaan Awam Kelantan dan juga di Perpustakaan Desa Kampung But Rural Ketereh. Kaedah ini juga dilakukan dengan meneliti dokumen berkaitan dengan tajuk kajian seperti tesis, jurnal, buku, artikal, majalah, dan juga dokumen bertulis yang lain. Semua dokumen yang diperolehi oleh pengkaji akan dianalisis serta diteliti kesahihan sesebuah sumber sebelum digunakan dalam kajian ini.

3.3.2 Kaedah Analisis Tekstual

Analisis semua dokumen berkaitan dengan kajian adalah perkara yang perlu dilakukan oleh pengkaji agar dapat memperoleh segala maklumat dan data yang diperlukan bagi meneruskan kajian ini. Analisis dokumen juga memerlukan perhatian yang baik dan tidak melanggar etika semasa melakukan penulisan dalam kajian. Perkara ini untuk mengambil maklumat serta data bagi melengkapkan hujah dalam sesebuah kajian. Maklumat ini juga boleh disampaikan dalam bentuk tulisan, rajah, gambar, simbol dan lain-lain. Melalui

kaedah analisis teks juga dapat mengambil maklumat yang tepat berkaitan isu atau masalah yang dikaji serta dapat memastikan sumber segala maklumat yang diambil untuk melakukan penyelidikan adalah tepat.

Beberapa jenis dokumen yang boleh digunakan dalam kajian adalah seperti jurnal, tesis Doktor Falsafah, tesis Sarjana, tesis Sarjana Muda, teks *Ranjau Sepanjang Jalan* dan buku rujukan. Semasa melakukan penelitian terhadap dokumen yang terlibat, pengkaji akan menganalisis objektif, tujuan kajian dan hasil daripada penyelidikan yang telah dilakukan. Maklumat seperti ini sangat membantu serta berguna untuk mengukuhkan hujah dan mempelbagaikan rujukan berkaitan realisme, *Ranjau Sepanjang Jalan* dan teori Fungsionalisme.

3.3.3 Sumber Internet

Sumber internet juga digunakan untuk menjalankan kajian ini bagi memperoleh segala maklumat yang lengkap, sahih dan berkualiti. Pengkaji juga menapis dan menganalisis sumber sebelum dijadikan bahan rujukan kajian. Pelbagai laman web yang dirujuk seperti laman sesawang rasmi kerajaan berkaitan sasterawan negara kedua iaitu Shahnnon Ahmad. Laman sesawang lain yang dijadikan rujukan juga adalah seperti laman sesawang Academia, Google Scholer, Scribd, Dewan Bahasa dan Pustaka. Banyak maklumat dan hasil penyelidikan terdahulu yang diperolehi oleh pengkaji dengan menggunakan laman sesawang tersebut. Pengkaji juga berhati-hati dan beretika semasa mengambil data daripada kajian lepas bagi menjamin ketulenan dan kesahihan sesebuah maklumat.

3.4 Teori Fungsionalisme

Teori Fungsionalisme merupakan cetusan idea daripada beberapa tokoh iaitu Auguste Comte, Herbert Spencer, Talcott Parsons dan Emile Drkheim. Berdasarkan aliran teori ini menyatakan bahawa perkembangan dan kestabilan dalam sesebuah masyarakat berlaku disebabkan oleh perubahan semasa dan peraturan sosial yang diterapkan. Menurut pandangan ini juga masyarakat digambarkan sebagai satu sistem badan dan setiap organ mempunyai peranan masing-masing (Fatimah Daud, 1992). Teori Fungsionalisme tertumpu kepada peranan, kelakuan sosial serta organisasi yang dilakukan melalui kegiatan dan sumbangan yang dapat menggerakkan serta mewujudkan penerusan kehidupan masyarakat. Teori ini juga akan menilai dan melihat peranan masyarakat melalui kestabilan serta persefahaman yang berlaku dalam sesebuah masyarakat. Berdasarkan pemikiran Fungsionalisme, pemerhatian terhadap sesebuah masyarakat berkaitan sosial perlu dilakukan bagi mengenal pasti struktur yang wujud dalam sesebuah masyarakat. Fungsionalisme juga melihat peranan struktur masyarakat menjadi keseimbangan dalam sesebuah sistem sosial yang harmoni serta berkaitan antara satu sama lain dan mempunyai fungsi untuk mengekalkan perpaduan berdasarkan susunan sosial.

Teori Fungsionalisme digunakan untuk mengkaji fungsi dalam sesebuah sistem sosial (Talcott Parsons, 1951). Setelah itu, teori ini akan menganalisis keberkesanan aliran sistem sosial berkaitan keharmonian dalam mengeratkan ikatan masyarakat. Pemikiran Fungsionalisme berasaskan kepada kaedah manusia bersetuju dengan nilai asas yang dibawa dalam masyarakat. Mereka juga hidup dan mengiktiraf segala kebaikan yang wujud di persekitaran mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana perkara ini menjadi

kemahuan setiap anggota masyarakat untuk berterusan hidup dan saling melengkapi agar kehidupan bermasyarakat dapat bergerak dengan jayanya.

Perspektif Fungsionalisme juga akan melihat masyarakat sebagai sebuah sistem sosial yang bersepadu, berkaitan serta harmoni dan saling berfungsi antara satu sama lain dalam struktur kehidupan bermasyarakat. Sebagai contoh organ dalam badan manusia saling berkaitan antara organ yang lain serta mempunyai peranan masing-masing dan saling melengkapi antara satu sama lain. Hal ini dikatakan demikian kerana jika organ berpasangan rosak seperti paru-paru maka kehidupan manusia itu tidak lagi normal dan sering mempunyai masalah kesihatan begitu juga dengan sistem masyarakat. Berdasarkan perkara tersebut jika wujud ahli yang mempunyai kelemahan maka akan dirasai dan dipikul oleh semua ahli masyarakat yang lain. Peranan dan fungsi yang cekap perlu dimainkan dalam masyarakat bagi menjamin kesejahteraan dan kualiti sesebuah masyarakat dapat dikekalkan. Fungsionalisme juga akan mempersoalkan segala fungsi utama masyarakat dalam sesebuah sistem sosial bagi menjamin penerusan masyarakat.

Fatimah Daud (1992), mengatakan bahawa teori Fungsionalisme juga dikenali sebagai *structural-functional* dan *social system theory*. Struktur dan fungsi mempunyai takrifan yang berbeza tetapi sangat berkaitan. Beliau juga menambah struktur merupakan organisasi namun dalam perkara ini struktur boleh disamakan dengan bahagian organ manusia. Fungsi pula disamakan dengan peranan yang dimainkan oleh organ dalam badan manusia supaya saling berkaitan dan memberi kelangsungan hidup kepada manusia itu. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam sistem sosial juga wujudnya peranan institusi

tertentu seperti polis untuk menjaga keselamatan, hospital untuk menjaga kesihatan awam dan juga kerajaan yang berfungsi untuk menjaga rakyat.

Pelbagai contoh boleh diambil dalam lingkungan lebih kecil iaitu peranan ketua kampung yang perlu memastikan penduduk kampung aman tanpa perbalahan dan juga jiran yang mengambil berat serta saling membantu antara satu sama lain. Struktur dan fungsi ini sangat penting bagi menghalang perpecahan serta percanggahan ideologi dalam masyarakat tanpa tujuan yang hanya meruntuhkan nilai moral dalam sesebuah institusi masyarakat. Setiap individu dalam masyarakat harus memainkan peranan berdasarkan fungsi dalam struktur tersebut bagi mengekalkan keharmonian sejagat. Jika perkara ini dapat dilakukan dengan baik maka sistem sosial berada dalam keadaan yang lebih stabil. Selain itu, berdasarkan perspektif ini akan wujud keadaan tidak seimbang jika ada perubahan pada satu bahagian masyarakat dan perkara ini memberi kesan terhadap struktur sosial dalam masyarakat. Oleh hal demikian dapat dinyatakan bahawa teori Fungsionalisme memberi gambaran bagaimana setiap struktur dalam masyarakat perlu memberi kerjasama berpanjangan bagi mengekalkan ikatan dalam kehidupan bermasyarakat.

Teori Fungsionalisme menekankan berkaitan masyarakat merupakan struktur sistem yang stabil saling berintegrasi, tersusun dan ahlinya mengikut asas yang dipersetujui bersama. Antara elemen sosial adalah keluarga, negeri, universiti dan saling berkaitan serta mempunyai sumbangan antara satu sama lain bagi mengekalkan keseimbangan bersama. Contohnya, universiti melahirkan pelajar yang berkepimpinan demi kestabilan masyarakat. Masyarakat juga akan melakukan kestabilan berdasarkan

persekitaran melalui perkembangan semasa. Perubahan masyarakat kepada bahagian lain akan berlaku jika ada perubahan pada satu bahagian dalam sistem masyarakat. Sistem sosial dan masyarakat akan lebih stabil jika dapat disesuaikan oleh ahli atau struktur dalam masyarakat. Pergolakan yang berlaku dalam masyarakat akan menjadikan masyarakat berubah secara beransur-ansur dan kembali kepada keadaan yang lebih seimbang. Ideologi memainkan peranan yang besar terhadap sesebuah masyarakat. Contohnya, Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan raja berpelembagaan manakala negara China mengamalkan pegangan komunisme dalam pentadbiran kerajaan. Teori Fungsionalisme menekankan tentang struktur dan fungsi institusi serta badan masyarakat.

Pedekatan Fungsionalisme sebenarnya dapat menganalisis struktur dan fungsi yang wujud dalam masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana Fungsionalisme akan menilai contohnya kewujudan upacara kematian dan apakah kesan kepada masyarakat yang masih mengamalkan upacara tersebut. Konsep inilah yang diterapkan iaitu upacara sebagai struktur dan kesan upacara sebagai fungsi. Struktur dan fungsi yang wujud dalam masyarakat sememangnya dapat memberi ikatan yang utuh dan kestabilan berterusan dalam kehidupan masyarakat.

3.4.1 Ciri Teori Fungsionalisme

Ranjau Sepanjang Jalan merupakan sebuah novel yang memaparkan fungsi struktur masyarakat yang amat mirip dengan konsep Fungsionalisme. Shahnnon Ahmad memaparkan kisah keluarga miskin yang menetap di Sik, Kedah. Pelbagai rintangan yang dilalui oleh keluarga ini namun mereka sedikit bernasib baik kerana mempunyai seorang

penghulu yang sangat mengambil berat akan penduduk dikampungnya. Tugas penghulu tersebut merupakan ciri struktur Fungsionalisme yang stabil kerana mengimbangi setiap masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung. Sebagai contoh penghulu kampung mengambil berat menghantar Jeha ke hospital untuk menjalani rawatan sakit jiwa akibat kematian Lahuma. Gambaran ini jelas menunjukkan latar masyarakat yang digambarkan dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* memiliki unsur Fungsionalisme dalam masyarakat. Teori ini juga akan menilai cara sesebuah masyarakat itu berfungsi secara berterusan dalam kehidupan harian. Struktur ini sangat mengambil berat tentang kestabilan, keharmonian serta perjalanan dalam kehidupan masyarakat. Kunci utama sebuah masyarakat berfungsi dengan baik adalah melalui kestabilan. Keseimbangan inilah yang akan menjadi kayu ukur kepada keharmonian berdasarkan fungsi dalam masyarakat. Hal ini dikatakan semua bahagian dan struktur dalam masyarakat akan bersatu serta bekerjasama untuk mencapai tujuan utama iaitu sebuah keharmonian yang berterusan. Oleh itu, sangat penting struktur bahagian dalam masyarakat berusaha sedaya upaya untuk keluar daripada konflik jika menghadapi sebarang masalah dalam kehidupan seharian masyarakat.

3.4.2 Pendekatan Fungsionalisme Mengikut Talcott Parsons (1951)

Zainuddin (2008), menyatakan Talcott Parsons berpendapat bahawa proses kesinambungan maklumat dan kekuatan sesebuah masyarakat antara pelbagai struktur memberi peluang berlakunya perubahan dalam aliran masyarakat. Berdasarkan aliran Talcott Parsons juga menyatakan bahawa masyarakat merupakan sebuah sistem yang mempunyai sub sistem iaitu agama, keluarga, ekonomi, politik dan pendidikan.

3.4.2.1 Fungsi Sistem Agama

Agama mempunyai peranan yang tersendiri dalam memberi pendedahan tentang nilai moral serta menjaga individu daripada melakukan perbuatan yang bertentangan dengan sistem kehidupan. Setiap agama yang wujud di dunia seperti agama Islam, Kristian, Hindu, Buddha dan lain-lain mencegah manusia daripada melakukan perkara yang memudarat diri, keluarga serta masyarakat. Islam adalah sebuah agama mengambil berat segenap isu dan mengajar umatnya untuk bertakwa kepada Allah SWT. Oleh sebab itu, fungsi agama sangat penting untuk menjaga keharmonian dalam kehidupan masyarakat.

3.4.2.2 Fungsi Sistem Keluarga

Keluarga adalah sistem sosial yang terkecil di dunia. Peranan ahli keluarga juga sangat besar untuk menstabilkan sistem dalam masyarakat. Keluarga saling melengkapi dan membantu antara satu sama lain. Semua masalah sosial juga sebenarnya berasal daripada masalah yang berlaku dalam keluarga. Oleh itu, setiap ahli keluarga perlu memahami tugas serta tanggungjawab dalam sesebuah masyarakat agar kelancaran dan keharmonian dapat dikecapi bersama.

3.4.2.3 Fungsi Sistem Ekonomi

Ekonomi merupakan suatu perkara penting dan harus ditingkatkan terutama dalam kalangan masyarakat Melayu. Ekonomi Malaysia telah dimanipulasi sejak zaman penjajah lagi. Strategik ekonomi yang digunakan juga kurang berkesan serta harus dibaiki oleh masyarakat dan bekerjasama dengan kaum lain untuk

kemakmuran yang boleh dinikmati bersama. Ekonomi merupakan sistem yang boleh meningkatkan kuasa terutama kuasa sesebuah negara. Oleh itu, ekonomi perlu dijadikan fungsi untuk meningkatkan kekuatan masyarakat dan taraf hidup penduduk.

3.4.2.4 Fungsi Sistem Politik

Politik menjadikan seseorang itu berkuasa dan boleh memanipulasi sesebuah keadaan. Ahli politik terutama pihak kerajaan perlu menyalurkan dana kepada pihak yang benar-benar memerlukan bantuan tanpa campur tangan orang tengah. Fungsi politik juga memberi bantuan kepada mereka yang miskin agar tidak berlaku masalah sosial dalam masyarakat seperti merompak dan mencuri. Oleh itu, ahli politik perlu muhasabah diri dan berusaha memberi fungsi yang baik kepada anggota masyarakat.

3.4.2.5 Fungsi Sistem Pendidikan

Pendidikan mempunyai peranan yang sangat besar dalam membangunkan sesebuah tamadun dan masyarakat. Kejayaan sesebuah tamadun juga akan dilihat berdasarkan sistem pendidikan yang wujud. Kemiskinan dalam masyarakat juga boleh diatasi jika anak-anak mereka didedahkan dengan pendidikan. Institusi pendidikan seperti sekolah, universiti dan lain-lain perlu dikembangkan untuk mencapai keseimbangan tahap pendidikan dalam masyarakat. Jelaslah, pendidikan adalah kunci kejayaan kepada individu, keluarga dan juga masyarakat.

3.4.3 Imperatif Fungsionalisme menurut Talcott Parsons.

Empat keperluan yang dikemukakan oleh Talcott Parsons bagi melancarkan perjalanan sesebuah institusi masyarakat dan pendekatan ini dikenali sebagai AGIL.

3.4.3.1 Penyesuaian (*Adaptation*)

Talcott Parsons berpandangan sesebuah sistem yang diwujudkan seharusnya disesuaikan oleh semua individu dalam masyarakat. Ritzer & Stepnisky (2019) perkara ini perlu dikuasai oleh masyarakat melalui persekitaran yang dilalui oleh mereka. Pembahagian tugas (*division of labour*) sangat diperlukan oleh masyarakat untuk melancarkan fungsi ini. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut pandangan Talcott Parsons tiada individu yang dapat melakukan pelbagai tugas dalam satu-satu masa.

3.4.3.2 Pencapaian Matlamat (*Goal Attainment*)

Menurut pendekatan Talcott Parsons matlamat dan pencapaian tertentu menjadi asas kepada penciptaan sesebuah sistem dalam masyarakat yang merangkumi segala sumber iaitu manusia dan bukan manusia. Ritzer & Stepnisky (2019) pembahagian tugas dalam masyarakat sangat dititikberatkan oleh fungsi ini. Fungsi ini juga akan menyelaras segala tugas dan peranan pihak tertentu mengikut kesesuaian serta masa yang ditetapkan oleh pemerintah ataupun kerajaan.

3.4.3.3 Integrasi (*Integration*)


Ritzer & Stepnisky (2019) sistem undang-undang dan agama akan menjalankan fungsi *Integration* demi kesejahteraan masyarakat. Talcott Parsons berpendapat semua sistem yang diwujudkan dalam masyarakat hanyalah untuk kesejahteraan dan kestabilan sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana unsur penggabungan yang diwujudkan akan dikongsi bersama dalam sebuah masyarakat. Walaubagaimanapun, dalam sesebuah sistem bermasyarakat pasti ada perbezaan pendapat dan pencanggahan idea namun perkara ini diselesaikan dengan harmoni berdasarkan nilai yang dipersetujui bersama.

3.4.3.4 Penyelenggaraan corak (*Latency Maintenance*)

Ritzer & Stepnisky (2019) sistem keluarga biasanya akan menjalankan fungsi ini dalam kehidupan masyarakat. Talcott Parsons menegaskan bahawa sesebuah sistem yang mempunyai kelemahan perlu dikawal dan dibetulkan dalam masyarakat. Hal ini kerana setiap sistem perlu kekal dan terus digunakan oleh generasi ke generasi lain melalui proses sosialisasi serta kawalan sosial.

3.5 Kerangka Teoritikal

Kerangka teoritikal dapat memberi gambaran keseluruhan dan kaedah untuk mencapai objektif kajian yang telah dirancang.



Rajah 3.5: Kerangka teoritikal yang digunakan bagi proses penyelidikan berkaitan unsur realisme dalam teks *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad

3.6 Kesimpulan

Kesimpulannya, kaedah kajian memainkan peranan yang penting dalam sesebuah kajian. Hasil kajian berkualiti juga terhasil daripada kaedah kajian yang tepat. Setiap hasil kajian berkualiti diperoleh berdasarkan kaedah kajian yang sistematik dan mempunyai struktur yang jelas serta tersusun. Kaedah kajian ini juga dapat mencari data serta mencipta hujah dengan fakta yang sah dan tulen. Hal ini dikatakan demikian kerana sumber untuk penelitian telah disaring dan dikenal pasti kesahihan melalui metodologi kajian. Metodologi kajian adalah untuk menjelaskan fungsi dan cara menggunakan kaedah tertentu serta menggunakan teori Fungsionalisme untuk menganalisis teks *Ranjau Sepanjang Jalan*. Setelah mengetahui dengan lebih mendalam berkaitan fungsi teori dalam kajian, secara langsung dapat melancarkan proses menganalisis data untuk memperoleh hasil kajian yang berkualiti. Oleh itu, metodologi kajian adalah perkara asas yang perlu ada dalam kajian sebelum memperolehi hasil kajian yang ditimbulkan dalam persoalan kajian oleh pengkaji.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Kajian ini akan membincangkan unsur-unsur realisme menerusi unsur kekeluargaan, kepimpinan, kemiskinan hidup petani, pendidikan, keagamaan, kemanusiaan serta adat dan budaya dalam kehidupan masyarakat Melayu. Penelitian dan analisis dibataskan dengan hanya menggunakan teks *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad sahaja. Teks tersebut juga akan diaplikasi dengan menggunakan teori Fungsionalisme pendekatan Talcott Parsons (1951).

4.2 Kekeluargaan dalam *Ranjau Sepanjang Jalan*

Teori Fungsionalisme berdasarkan pendekatan Talcott Parsons menekankan bahawa keluarga juga mempunyai fungsi dan sumbangan tertentu kepada masyarakat. Parsons (1951) menyatakan bahawa keluarga merupakan sebuah sistem sosial yang lebih besar dan mempunyai keperluan tertentu untuk berfungsi dengan baik iaitu penyesuaian, pencapaian matlamat, integrasi dan penyelenggaraan corak. Sistem kekeluargaan akan teratur dan berterusan jika fungsi yang dinyatakan tersebut diaplikasikan oleh masyarakat dalam kehidupan seharian. Menurut Tengku Fatin (2011), berpendapat bahawa institusi kekeluargaan sangat penting untuk membentuk sesebuah masyarakat. Keluarga sangat penting untuk mencorak minda dan pemikiran seseorang sama ada baik ataupun tidak baik. Permulaan kepada semua kejayaan yang dikecapi dalam masyarakat merupakan

hasil persekitaran yang kondusif menyebabkan terlahirnya satu generasi baharu yang berintelektual tinggi serta berwibawa. Asuhan yang cemerlang daripada ibu bapa iaitu sentiasa menggarap pemikiran anak-anak dan disemai dengan nilai-nilai yang baik seperti kasih sayang, saling menghormati serta bertanggungjawab menyebabkan wujudnya modal insan yang berkualiti.

Menerusi teks *Ranjau Sepanjang Jalan*, pengarang banyak memaparkan unsur kekeluargaan melalui watak Lahuma sebagai bapa, Jeha sebagai ibu serta mempunyai tujuh anak mereka iaitu Sanah, Milah, Jenab, Semek, Liah, Lebar dan Kiah. Teks tersebut memberi gambaran Lahuma dan keluarga merupakan sebuah keluarga yang bahagia walaupun terpaksa menelusuri perjalanan hidup yang penuh onak dan duri. Namun, mereka sekeluarga tidak gentar demi setitik nilai kehidupan yang terpaksa mereka tempuhi. Lahuma sangat mengambil berat tentang masa depan keturunannya akibat relung sawah milik keluarga semakin hari semakin berkurang. Sifat kasihan sayang dan bertanggungjawab Lahuma membawa kepada sebuah keluarga bahagia yang saling bantu-membantu antara satu sama lain.

Tetapi apa yang akan berlaku jika dia mati nanti? Bendang 14 relung itu akan dibahagi-bahagikan. Dua relung seorang. Dan apabila anak-anaknya itu dikurniakan zuriat, mereka sendiri membahagi-bahagikan bendang itu pula. Lagi sedikit cucu-cucunya akan dapat. Dan boleh jadi cicit-cicitnya nanti tidak akan mendapat walau satu tapak bendang sekalipun.

(*Ranjau Sepanjang Jalan*, 2006:4)

Lahuma terkekeh-kekeh ketawa seraya cuba menepis dengan tangan kanannya. Anak-anak yang berada di tanah tersenyum dan melompat-lompat melihat telatah ibu bapa mereka.

(*Ranjau Sepanjang Jalan*, 2006:8)

Berdasarkan petikan tersebut pengarang memaparkan unsur kekeluargaan yang tercipta melalui kesabaran, saling menghormati dan bertanggungjawab sesama ahli keluarga. Perkara ini dapat dilihat melalui sikap Lahuma yang memikirkan masa depan anak cucunya walaupun dia sedar masa itu masih jauh untuk berlalu. Namun, Lahuma tetap mengambil bahagian untuk memikirkan nasib anak cucunya jika keluarga mereka tidak dapat menambah jumlah relung sawah padi. Sikap bertanggungjawab yang dibawa oleh watak Lahuma sebenarnya berlaku kerana warisan tradisi keluarga Lahuma yang meninggalkan sawah untuk diberi kepada anak cucu kelak dan turun kepada generasi seterusnya. Perkara ini juga memberi semangat kepada Lahuma untuk menguruskan sawah padi serta menghargai jasa nenek moyang mereka yang mewariskan beberapa bidang tanah bagi mengaut hasil bumi dan menyara keluarganya.

Unsur kekeluargaan juga boleh dilihat melalui pasangan suami isteri iaitu Lahuma dan Jeha yang menyerlahkan kegembiraan mereka sekeluarga dengan usik-mengusik antara satu sama lain. Senda gurauan yang berlaku memberi kesan emosi sangat baik kepada anak-anak yang hidup dalam keadaan serba kekurangan. Mereka juga dilihat saling membantu antara satu sama lain melalui situasi Sanah menuruti perintah ayahnya untuk mengambil parang dan batu asah. Sanah diusia remaja sangat matang dan suka menolong orang tuanya jika dibandingkan dengan remaja seusianya yang hanya ingin bersuka-ria sahaja.

Konsep kekeluargaan sangat dititikberatkan dalam agama Islam bukan sahaja melalui *al-Quran* malah Nabi Muhammad SAW juga menekankan nilai kekeluargaan yang diamalkan oleh baginda dalam kehidupan sehariannya. Keluarga merupakan sebuah

hubungan yang terjalin antara dua insan lalu membina institusinya yang tersendiri melalui cahaya mata dan berkembang sehingga ke anak cucu. Setiap hubungan yang terjalin haruslah berpaksikan kepada kasih sayang, hormat menghormati, melindungi serta saling melengkapi antara satu sama lain.

Norullisza et al (2017), menyatakan bahawa pembentukan sesebuah masyarakat yang bertamadun haruslah bermula daripada tunjang utama iaitu keluarga. Keluarga memainkan peranan sangat penting dalam masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan masalah sosial yang berlaku dalam sesebuah masyarakat bermula daripada sebuah keluarga yang bermasalah. Tindakan sebahagian ahli keluarga yang tidak bertanggungjawab keatas ahli lain juga menyebabkan berlaku pengabaian dan seseorang yang terabai akan mencari haluan mereka sendiri tanpa ada petunjuk yang sepatutnya mengikut hukum alam. Berpandukan hukum alam, sifat ibu bapa adalah melindungi dan menjaga anaknya sehingga dapat berfikir dengan matang dan hidup berdikari.

“Esok kamu semua tak usah pergi. Biar saya seorang dulu pergi tengok-tengok dan menebas. Pagar kena buat. Mungkin tahun ini babi hutan banyak benar kat Mat Diah.”

(Ranjau Sepanjang Jalan, 2006:15)

Berdasarkan petikan tersebut unsur kekeluargaan jelas terpapar melalui sifat mengambil berat Lahuma terhadap keluarganya. Lahuma sedaya upaya melindungi ahli keluarga kerana semua anaknya merupakan seorang perempuan serta tidak kuat untuk melakukan kerja yang berat. Semak di sawah juga bahaya kerana adanya binatang berbisa seperti kala jengking dan ular yang boleh mencederakan anak serta isterinya. Tugas seorang bapa ialah melindungi keluarga bukan membawa keluarga ke dalam lembah bahaya. Toleransi antara suami isteri juga cuba digambarkan oleh pengarang. Hal ini

dikatakan demikian kerana sebagai seorang isteri tugas Jeha ialah mendengar segala nasihat dan teguran yang diberikan oleh Lahuma sebagai seorang suami. Jeha merupakan seorang isteri yang baik dan menyayangi keluarga serta tidak meninggalkan keluarga walaupun mengalami seribu masalah.

Ranjau Sepanjang Jalan juga memaparkan unsur kekeluargaan melalui sikap berani Lahuma untuk menyelamatkan Jeha iaitu isterinya daripada patukan ular tedung. Peristiwa ini menunjukkan keikhlasan Lahuma yang betul-betul mencintai isterinya walau apa keadaan sekali pun.

“Jeha! Jeha!” panggilnya, cemas.

Dari celah ranting-ranting kayu, dia nampak wajah isterinya yang sedang berdiri tegak. Mukanya pucat tidak berdarah. Lahuma mempercepatkan langkahnya.

“Jeha! Jeha!”

Jeha yang masih terpaku di tempatnya tidak juga menjawab. Lahuma melompat ke arah Jeha. Dia ternampak seekor ular tedung senduksedang memanggau kepala setinggi lutut sedepa dari tempat Jeha berdiri. Kepala ular itu kembang berbintik kekuningan dan berlenggok-lenggok laksana batang anak lengkuas dipukul angin.

“Jangan bergerak!” serunya.

(*Ranjau Sepanjang Jalan*, 2006:37)

Petikan di atas menggambarkan unsur kekeluargaan melalui watak Lahuma dan isterinya Jeha yang berada dalam situasi mencemaskan. Jeha merupakan seorang yang suka mencari pucuk paku untuk menambah menu makanan keluarganya. Ketika Jeha membantu suaminya menebas semak dia ingin mencari pucuk paku untuk keluarganya di tepi paya tanpa membawa apa-apa senjata. Ketika Lahuma sedang menebas sambil memikirkan nasib keluarganya dia mendengar suara isterinya memanggil dalam keadaan

panik menyebabkan Lahuma bergegas mendapatkan isterinya itu. Terkejut tidak terhingga seorang suami apabila isterinya hampir maut namun, dia sempat membunuh ular itu demi menyelamatkan isterinya. Selain itu, kasih sayang dan cinta akan keluarga juga ada dalam pemikiran Jeha dipaparkan melalui petikan berikut:

Perut dan dagingnya telah mendap dan menjadi semakin besar. Jeha dan anak-anak tidak dapat menahan bau hanyir dan hampir-hampir hendak muntah. Namun, dia cuba juga duduk di tengah-tengah suasana itu dengan air bisa yang meleleh keluar melalui lebang punggung, lubang kemaluan, lubang hidung dan lubang telinga itu. Jeha sabar membersihkannya. Anak-anak yang berada keliling Cuma teresak-esak melihat keadaan bapa mereka yang semakin tegang.

(Ranjau Sepanjang Jalan, 2006:139)

Lahuma merupakan pencari nafkah tunggal dan menjadi sebuah harapan buat keluarganya untuk terus menjalankan kehidupan. Namun, malang tidak berbau menjadi permulaan kesakitan dan kesengsaraan ahli keluarga apabila tulang empat kerat Lahuma tidak dapat membantu mencari nafkah untuk keluarganya. Lahuma ditimpa penyakit misteri dan menanggung azab sebelum meninggalkan dunia. Jeha sebagai isteri memainkan peranan sebagai ibu kepada anak-anaknya dengan menggalas tugas suaminya di sawah. Jeha juga menerima kesusahan serta cabaran semasa menjaga Lahuma yang sakit tenat dengan bau hanyir. Kehebatan seorang isteri tidak dapat disangkal lagi kerana Jeha sanggup menjalankan tanggungjawab menggantikan tempat suaminya bagi menyara kehidupan anak-anak mereka yang masih kecil lagi.

Seterusnya, unsur kekeluargaan juga dilihat sejajar dengan teori Fungsionalisme berdasarkan pendekatan Talcott Parsons iaitu sesebuah bahagian atau sistem dalam institusi saling melengkapi antara satu sama lain. Menurut Talcott Parsons (1937), sesebuah bahagian dalam institusi perlu mempunyai bahagian tertentu untuk menjaga

kelangsungan institusi tersebut serta harus saling melengkapi dengan sistem yang lain. Melalui pendekatan ini, penghasilan sesebuah teks bertujuan memberi manfaat kepada semua individu agar dapat menjalankan fungsi yang benar dalam kehidupan masyarakat harian. Unsur kekeluargaan merupakan sebuah unsur realisme yang dibawa dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* oleh Shahnnon Ahmad melalui gaya penulisan yang tersendiri. Gambaran ini jelas membuktikan bahawa institusi kekeluargaan sangat memainkan peranan yang besar dalam masyarakat serta menjadi pencetus kepada keindahan atau keburukan dalam kalangan masyarakat. Unsur ini jelas memperlihatkan bahawa institusi masyarakat yang digambarkan dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* sangat mementingkan institusi kekeluargaan dan menjadi elemen utama yang diangkat dalam karya tersebut.

4.3 Kepimpinan dalam *Ranjau Sepanjang Jalan*

Kepimpinan merupakan unsur yang paling penting untuk menjadi seorang pemimpin yang sejati. Talcott Parsons (1951) menyatakan bahawa sesebuah masyarakat mempunyai sistem sosial tersendiri dan saling berfungsi antara satu lain. Menurut *Kamus Dewan Perdana* (2020) pemimpin merupakan ketua kepada sesebuah gerakan, organisasi ataupun syarikat bagi melancarkan operasi sesebuah organisasi dan perikatan yang bergembira menyambut kemenangan mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana sebuah organisasi sangat memerlukan pemimpin untuk mencorak hala tuju dan pembangunan sesebuah organisasi itu. Pemimpin yang sejati mempunyai sifat kepimpinan, bijak menyelesaikan masalah, boleh membuat keputusan dan berfikiran rasional untuk meningkatkan hasil pada masa depan. Pemimpin juga perlu mempunyai sikap bertanggungjawab yang tinggi serta tidak mengabaikan tanggungjawab kepada orang bawahannya.

Terdapat beberapa unsur kepimpinan yang dapat dilihat dalam teks *Ranjau Sepanjang Jalan* iaitu watak Lahuma dan tuk penghulu. Hal ini dikatakan demikian kerana Lahuma digambarkan seorang berkepimpinan menguruskan keluarganya serta empat belas relung padi miliknya tanpa bantuan orang luar ataupun jentera yang canggih. Watak tuk penghulu juga menyerlah semasa menguruskan hal berkaitan dengan penduduk terutamanya dalam menguruskan proses perubatan Jeha.

Lahuma dan tuk penghulu juga disifatkan sebagai seorang yang mengambil berat dan bertanggungjawab dalam menjalankan tugas sama ada sebagai ketua keluarga ataupun penduduk kampung. Lahuma memikul beban keluarga dan juga bekerja keras menyara keluarga tanpa meminta bantuan daripada orang lain. Lahuma sanggup melakukan apa sahaja kerana dia mempunyai tanggungjawab yang besar dalam keluarganya.

Hati Lahuma bertambah gelisah. Geruh ular bisa itu sudah memukau isterinya. Dengan pe-rasaan serba tidak kena, dia memangku isterinya dengan penuh kudratnya lalu berlari keluar dari belukar itu. Ular betina akan datang menyerbu kalau dia masih berada disitu. Ular betina itu akan datang dengan kejamnya. Mematuk kakinya sekali gus. Lenyaplah segala harapan untuk mena-nam padi seluas 14 relung itu nanti.

(*Ranjau Sepanjang Jalan*, 2006:39)

Berdasarkan petikan tersebut, sifat kepimpinan yang ditunjukkan oleh Lahuma melindungi keluarga menjadikan dia seorang yang dihormati. Isteri dan anak-anak sangat menghormati dan patut pada suruhan yang diberikan Lahuma kerana semua nasihat, teguran dan suruhan adalah demi kebaikan keluarganya. Sikap Lahuma yang sering menjaga dan melindungi ahli keluarga yang lain menyebabkan dia sangat disayangi oleh isterinya iaitu Jeha. Sifat pemimpin yang sejati memberi kesan yang mendalam kepada

orang bawah jagaannya dengan perasaan dilindungi, kehidupan terjamin serta boleh memberi pandangan dan idea yang baru kepada pemimpin itu. Islam mengangkat martabat suami untuk menjadi seorang ketua keluarga dan harus dihormati oleh ahli keluarga yang lain jika tidak bertentangan dengan syariat Islam. Keharmonia keluarga boleh dicapai kerana pemimpin dalam keluarga dapat menyatupadukan ahli serta menyelesaikan semua masalah yang dihadapi dalam institusi kekeluargaan.

Watak dan perwatakan tuk penghulu juga diketengahkan dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* sebagai seorang yang berkalibar dan menjadi rujukan pendudukan kampung jika menghadapi sebarang masalah. Gambaran ini jelas ditonjolkan melalui beberapa kejadian yang dipaparkan oleh pengarang dalam teks seperti:

Dia tahu apa penyakit Jeha itu. Sawah mesti dilihat juga oleh Jeha.

(*Ranjau Sepanjang Jalan*, 2006:236)

DUA hari kemudian, tuk penghulu datang membawa beberapa orang lelaki yang tidak dikenali. Jeha mesti dirawat juga.

(*Ranjau Sepanjang Jalan*, 2006:265)

“Emak kau belum baik.” Tuk penghulu memberitahu petang itu sewaktu Sanah bertanya. Tuk penghulu menunjukkan sehelai kertas sebagai buktinya.

“Emak kau belum baik. Ini suratnya,” sambung tuk penghulu.

(*Ranjau Sepanjang Jalan*, 2006:302)

Berpandukan beberapa petikan tersebut, unsur kepimpinan yang cuba diketengahkan adalah melalui konteks ketua kampung yang menggambarkan tuk penghulu seorang bertanggungjawab kepada penduduk kampung melalui pelbagai pelbagai cara iaitu tolong-menolong, mengambil berat serta lain-lain. Tuk penghulu bijak membuat keputusan dan mengenal pasti masalah kesihatan yang dihadapi oleh Jeha

selepas kematian suaminya. Tuk penghulu bijak membuat keputusan untuk menghantar Jeha ke hospital Tanjung Rambutan bagi mendapatkan rawatan psikiatri agar kesihatan mental Jeha dapat dipulihkan. Sikap kepimpinan yang dimainkan oleh tuk penghulu secara tidak langsung telah meringankan beban anak-anak Lahuma dan Jeha yang menanggung masalah bertubi-tubi tanpa henti setelah kematian Lahuma. Sharifah et al (2006) menyatakan bahawa seorang pemimpin harus melatih diri dengan tugas membimbing dan memandu orang bawahan bersesuaian dengan tugas dan tanggungjawabnya. Jelas sekali, tuk penghulu menjalankan amanah dan tanggungjawab menjaga seluruh anak mukim serta memberi pendapat untuk menyelesaikan sebarang masalah.

Menerusi *al-Quran*, ayat 48 dan 49, surah al-Maidah. Firman Allah SWT: maksudnya: “Dan hendaklah engkau menjalankan hukum di antara mereka dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah SWT dan janganlah engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka, dan berjaga-jagalah supaya mereka tidak memesongkanmu dari sesuatu hukum yang telah diturunkan oleh Allah SWT kepadamu.” Dalam *al-Quran*, ayat 59, surah an-Nisa’. Allah SWT berfirman, maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada ‘Ulil-Amri’ (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu”. Dua ayat *al-Quran* tersebut memberi gambaran bahawa pemimpin perlu menjalankan tanggungjawab dengan amanah dan berani berpandukan syariat Islam dalam semua perkara. Masyarakat yang dipimpin pula perlu taat kepada pemimpin selagi tidak menyuruh melakukan kejahatan. Sesetengah individu tidak perlu menjadikan ideologi politik sebagai pegangan kehidupan kerana boleh meruntuhkan sesebuah kerajaan dipilih oleh rakyat.

Perkara ini selari dengan teori Fungsionalisme pendekatan Talcott Parsons yang menyatakan pemimpin merupakan struktur serta bahagian dalam masyarakat dan saling memerlukan antara satu sama lain. Hal ini dikatakan demikian kerana rakyat memerlukan wakil untuk menyampaikan hasrat mereka dan wakil kepada rakyat memerlukan penyokong iaitu rakyat untuk terus berkuasa. Talcott Parsons (1958) berpandangan pemimpin yang baik harus memberi motivasi, semangat serta berjanji akan membaiki dasar secara menyeluruh kearah lebih baik. Perkara ini boleh dilihat menerusi watak tuk penghulu dan Lahuma yang memiliki nilai kepimpinan sejati serta mampu mendamaikan institusi kekeluargaan dan masyarakat. Pemimpin memiliki peranan dan tanggungjawab yang begitu besar kepada masyarakat, ekonomi dan negara.

Talcott Parsons (1951) menyatakan pemimpin perlu mempunyai ideal serta pemikiran yang baik bagi mewujudkan keinginan masyarakat dan mengikut perkembangan masyarakat. Pemimpin yang sejati tidak hanya ingin menjawat jawatan tinggi tetapi pemimpin sebenar menjadi wakil kepada rakyat serta mendengar dan membantu golongan yang memerlukan bantuan untuk menyara keluarga. Harapan besar masyarakat agar pemimpin tidak terus memainkan isu politik untuk mendapatkan jawatan dan kuasa tetapi harus sedar dan insaf tentang tanggungjawab dan amanah yang dipikul serta janji yang ditabur semasa pilihan raya umum diadakan. Oleh itu, Pemimpin merupakan golongan yang sangat penting dan diperlukan oleh rakyat dalam mengurus kebajikan rakyat serta pentadbiran sesebuah insitusi yang besar iaitu negara.

4.4 Kemiskinan Masyarakat Petani dalam *Ranjau Sepanjang Jalan*

Masyarakat memainkan peranan yang cukup besar dalam sesebuah tamadun dan juga negara. Menurut teori Fungsionalisme pendekatan Talcott Parsons (1951), setiap individu memerlukan masyarakat untuk meneruskan kehidupan sama ada untuk berinteraksi ataupun saling melengkapi. Masyarakat juga sentiasa bersatu dan seiring dalam kemajuan dan perubahan teknologi yang berlaku pada sesebuah zaman. Kemiskinan merupakan elemen yang sentiasa menjadi isu dominan dalam masyarakat sejak zaman berzaman dan masih lagi wujud pada harini ini. Kemiskinan yang dialami oleh masyarakat biasanya digambarkan dengan penderitaan dan kesusahan. Kemiskinan juga mempunyai beberapa tahap iaitu sederhana, miskin dan miskin tegar.

Menurut Norzita & Hadijah (2014) kemiskinan merupakan sebuah situasi yang berlaku bukan disebabkan oleh kerelaan dan kehendak seseorang tetapi didorong oleh beberapa faktor seperti pendidikan, dasar kerajaan serta kesempitan kehidupan yang dialami. Pelbagai faktor menyumbang kepada kemiskinan masyarakat luar bandar terutamanya kaum Melayu pada era pasca merdeka dan masih berterusan sehingga hari ini. Faktor penjajahan pada zaman British yang mewujudkan dasar pecah dan perintah juga menyebabkan sukar bagi sesetengah kaum seperti Melayu untuk membangunkan ekonomi yang tersendiri kerana tidak mendapat peluang di bandar-bandar besar. Pada tahun 1970 Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah diperkenalkan oleh kerajaan untuk memberi keseimbangan kepada ekonomi bumiputera yang mundur akibat dasar penjajah.

Unsur kemiskinan merupakan sebuah perkara yang sangat diketengahkan dalam teks *Ranjau Sepanjang Jalan* dan merupakan gambaran utama yang ingin disampaikan

oleh Shahnnon Ahmad kepada masyarakat dan juga kerajaan. Kemiskinan biasanya akan membawa situasi yang sedih dan menyayat hati dalam sesebuah novel serta teks sastera. Melalui teks *Ranjau Sepanjang Jalan*, unsur kemiskinan dipaparkan menerusi watak Lahuma, Jeha dan anak mereka yang meneruskan hidup secara tradisional dengan aktiviti menanam padi.

Jeha meneruskan lagi tenaganya menanam semai di petak-petak. Seluruh bendang Kampung Banggul Derpad mulai dipenuhi dengan warna hijau. Sejuk mata memandang.

(*Ranjau Sepanjang Jalan*, 2006:174)

Berdasarkan petikan tersebut jelas menunjukkan seorang wanita terpaksa mengambil tugas seorang lelaki menguruskan 14 relung sawah padi selepas kematian suaminya. Kesempitan yang dialami Jeha memaksanya menggalas tugas berat bersama anaknya menguruskan sawah dengan tenaga tulang empat kerat demi menyara keluarga mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana Jeha dan anaknya hanya menggunakan fizikal mereka untuk menguruskan sawah tanpa ada sebarang jentera. Perkara ini terjadi kerana mereka merupakan sebuah keluarga yang miskin serta tidak mampu mengupah jentera untuk membajak dan sebagainya. Kualiti dan kuantiti padi juga menurun kerana tenaga manusia tidak mampu menjalankan aktiviti menanam padi dengan baik terutamanya golongan wanita. Kemiskinan hidup yang berlaku menjadikan seseorang itu berani melakukan apa sahaja demi sesuap nasi bagi meneruskan kehidupan yang penuh dengan kepahitan. Bantuan masyarakat dan kerajaan seharusnya dipertingkatkan lagi kepada ibu tunggal dan golongan isi rumah berpendapatan rendah agar masalah sosial dalam masyarakat dapat dikurangkan dari masa ke masa.

Selain itu, *Ranjau Sepanjang Jalan* juga memaparkan keadaan penduduk kampung dan petani yang menghadapi masalah semasa proses penanaman padi. Hal ini dikatakan demikian kerana penduduk kampung mengerjakan sawah secara tradisional tanpa ada jentera yang moden serta racun kimia untuk menghalang haiwan yang merosakkan padi dan merbahaya kepada manusia.

“Ikut Lahuma semua. Limau purut itu akan menakutkan apa saja ular. Kalau ada ular tedung selar dan ular kapak sekalipun akan cabut lari.”

(*Ranjau Sepanjang Jalan*, 2006:51)

Petikan tersebut menggambarkan kekurangan kelengkapan moden juga sangat bahaya kepada penduduk kampung yang mengerjakan sawah kerana terdedah dengan haiwan yang berbisa. Akibat daripada kemiskinan yang dialami penduduk kampung menjadikan mereka lebih bersatu dan bergotong-royong untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi bersama:

Lapan orang semuanya. Berjalan berderet-deret melalui jalan di pinggir kampung itu menghala ke belukar tempat Lahuma menebas tadi. Orang Kampung yang lain sudah maklum tentang hal itu. Malah, perarakan seumpama itu sering benar berlaku di Kampung Banggul Derdap.

(*Ranjau Sepanjang Jalan*, 2006:51)

Kemiskinan yang dialami mengeratkan hubungan dalam kalangan masyarakat dan saling bantu-membantu antara satu sama lain. Peristiwa ini menunjukkan watak Ali Ketopi, Long Kadim dan beberapa orang penduduk kampung membantu serta mendengar pandangan Lahuma untuk mencari ular betina yang masih berkeliaran di sawah mereka. Lahuma juga bernasib baik dan bersyukur kerana ada penduduk kampung yang membantunya menghalau ular dengan menggunakan limau purut. Selama seminggu

Lahuma menebas semak samun dia tidak berasa takut serta sunyi kerana turut ditemani Ali Ketopi dan Long Kadim.

Masyarakat petani biasanya akan mengharungi liku hidup yang mencabar fizikal dan mental. Golongan petani akan berusaha sehabis mungkin untuk menghasilkan pendapatan buat keluarga dan mempunyai hasrat untuk menjual hasil pertanian mereka dalam kuantiti yang banyak. Namun, kudrat dan kekurangan teknologi menyebabkan watak Lahuma dan Jeha terpaksa bekerja keras untuk mencari sumber pendapatan dan meneruskan tradisi menanam padi. Pelbagai halangan dan rintangan ditempuhi demi meneruskan kehidupan tetap berlaku:

Hidup kaum tani akan hidup di tengah-tengah lumpur. Akan berkubang macam kerbau. Akan berjemur panas macam tandus. Akan basah macam terendam di tengah-tengah banjir besar. Mereka akan memungut ketam dan membunuh binatang-binatang bedebah itu. Mereka harus belar membunuh. Membunuh setiap benda yang akan menghalang padi mereka.

(Ranjau Sepanjang Jalan, 2006:167)

Berdasarkan petikan tersebut, Jeha terfikir akan nasib yang ditimpa golongan petani semasa melakukan aktiviti menanam padi. Petani terpaksa mengharungi panas terik matahari dan bertahan dibawah kepanasan selama beberapa jam sehingga habis melakukan sesuatu kerja disawah. Perkara ini sudah menjadi kebiasaan pesawah mengangkat beban yang berat berjalan ketengah sawah dengan lumpur sedalam setengah meter. Kerja keras golongan tersebut seharusnya membuka mata semua pihak untuk memberi pertolongan bagi memudahkan kerja mereka. Kerajaan perlu mengurangkan penglibatan orang tengah dalam penjualan hasil padi kerana orang tengah biasanya menindas golongan petani dengan membeli harga yang jauh lebih murah daripada harga asal. Pelbagai pengajaran perlu diambil oleh pembaca berkaitan kesusahan dialami oleh

petani yang menggunakan cara tradisional semasa melakukan proses penanaman padi. Golongan ini juga sering berhadapan dengan bencana alam dan mengalami kerugian yang tinggi bak kata pepatah “sudah jatuh ditimpa tangga”. Inisiatif dan bantuan daripada kerajaan diharap dapat meringankan beban petani akibat kemusnahan tanaman berpunca daripada bencana alam.

Seterusnya, kemiskinan hidup masyarakat petani dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* juga membawa kepada masalah mental melalui watak Jeha. Masalah kemiskinan yang berlaku boleh memberi tekanan hidup serta mental seseorang. Tekanan mental sangat kerap berlaku dalam masyarakat seperti penyakit *Major Depressive Disorder* (MDD) dan lain-lain menyebabkan seseorang itu mengalami kesedihan melampau serta berlaku kemurungan yang berpanjangan (Aina Fariha & Hilwa Abdullah, 2020). Masyarakat seharusnya perlu memahami dan berinteraksi dengan mereka yang mempunyai masalah kemiskinan supaya memberi kesedaran bahawa mereka tidak berkeseorangan.

Jeha dipegang oleh orang kampung. Sanah dan anak-anak Cuma melihat saja. Dibawa pulang ke rumah. Tuk penghulu sudah mulai bimbang. Kalau dibiarkan, akan membawa padah. Anak-anak semua akan dibunuh atau disuruh bekerja. Esok Jeha berjalan lagi kalau tidak dikurung.

(*Ranjau Sepanjang Jalan*, 2006:235)

Petikan tersebut menggambarkan Jeha mula tidak waras akibat terlalu tertekan serta keseorangan tanpa suami dalam menyelesaikan tugas sawah. Dia begitu sedih dengan kematian suaminya dan terbeban dengan tanggungjawab menyara keluarga kerana kesemua anaknya ialah perempuan. Kesedihan melampau juga menyebabkan Jeha sentiasa mendapat mimpi yang menakutkan tentang Lahuma. Mimpi-pimpinya juga berkaitan Lahuma yang sentiasa memaksa Jeha dan anaknya melakukan kerja sawah diluar

kemampuan mereka. Perkara ini didorong oleh ingatan dan pesan Lahuma ketika hayatnya yang sangat menekankan kepentingan sawah padi kepada rezeki keluarga mereka menyebabkan Jeha sentiasa tertekan bila ditimpa sebarang masalah semasa proses penanaman padi. Pihak kerajaan seharusnya memainkan peranan untuk membantu petani wanita dengan memberi bantuan kewangan ataupun sewaan jentera tanpa orang tengah agar golongan ini tidak diskriminasi oleh orang lain. Masalah psikologi juga boleh dikurangkan jika pendekatan lebih mesra wanita kepada ibu tunggal diwujudkan oleh pihak kerajaan dalam menjalankan aktiviti pertanian terutamanya penanaman padi.

Oleh itu, analisis berkaitan dengan unsur kemiskinan dalam masyarakat sangat selari dengan pendekatan Talcott Parsons berdasarkan teori Fungsionalisme. Dalam karya Talcott Parsons iaitu *The Social System* (1951) menyatakan sesebuah sistem masyarakat harus saling melengkapi, memelihara dan memperbaiki termasuklah motivasi individu bagi melancarkan sesebuah sistem yang diwujudkan oleh sesebuah negara. Hal ini dikatakan demikian kerana semua individu dalam masyarakat harus memainkan peranan untuk menjaga diri serta anggota masyarakat daripada tenggelam dalam kemiskinan yang boleh merosakkan masa depan anak-anak mereka. Kerajaan juga perlu memainkan peranan yang lebih besar agar tidak menutup ruang pendidikan kepada golongan miskin dengan menetapkan harga yuran yang terlalu tinggi di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Subsidi serta pemotongan yuran perlu diberi kepada pelajar miskin agar peluang untuk mereka meningkatkan taraf hidup dapat direalisasikan pada masa hadapan.

4.5 Pendidikan dalam Kehidupan Masyarakat Melayu

Pendidikan merupakan tunjang kepada pembangunan sesebuah negara serta dapat meningkatkan taraf hidup seseorang individu dan keluarga. Pendidikan merupakan sebuah perkara yang harus dilalui oleh semua insan di dunia untuk meneruskan kehidupan. Proses pembelajaran telah bermula sejak awal kelahiran manusia lagi iaitu belajar cara minum, makan, merangkak, berjalan dan sebagainya. Proses ini tetap dikategorikan sebagai pendidikan walaupun berlaku secara semula jadi dan dilalui oleh setiap manusia. Menurut Vaizey (1967) pendidikan akan memberi pengaruh yang besar dalam kehidupan individu, bangsa dan negara. Pemodenan dan kemajuan negara akan tercipta jika lahirnya modal insan yang cemerlang dalam segala aspek serta membantu meningkatkan ketumbuhan ekonomi negara. Berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara, “sistem pendidikan Malaysia secara sistematik mengembangkan potensi individu secara bersepadu dan menyeluruh untuk melahirkan modal insan yang seimbang dari segi pembedaan intelek, rohani, emosi dan jasmani bertunjangkan prinsip kepercayaan kepada Tuhan”. Perkara ini jelas menyatakan pendirian kerajaan yang menginginkan modal insan seimbang untuk menjadi pelapis pemimpin negara pada masa depan.

Menurut Durkheim (1961) pendidikan moral merupakan sebuah peraturan sosial dalam masyarakat dan disebarkan dalam kalangan kanak-kanak dengan menggunakan sistem pendidikan. Sekolah berfungsi sebagai platform untuk menyampaikan ilmu akademik dan tingkah laku yang diperlukan bagi mengharmonikan kehidupan masyarakat. Berdasarkan Fungsionalisme juga tugas pendidikan bertujuan untuk mensosialisasikan kanak-kanak dan remaja dengan norma, nilai murni dan peraturan yang telah ditetapkan serta dipersetujui oleh masyarakat. Berdasarkan *Ranjau Sepanjang Jalan*

aspek pendidikan tidak dititikberatkan oleh masyarakat di pedalaman terutamanya watak Lahuma sekeluarga:

Lahuma mendiamkan diri. Dia mula memikirkan kata-kata Jeha. Kalau Sanah menikah, elok juga kalau Jenab berhenti sekolah. Sekurang-kurangnya boleh menjaga adik atau menolong membawa bekal nasi ke tengah bendang.

(*Ranjau Sepanjang Jalan*, 2006:29)

Berdasarkan petikan tersebut perkara sebegini sangat kerap berlaku selepas pra kemerdekaan negara kerana kurang kesedaran masyarakat berkaitan kepentingan ilmu akademik di sekolah. Pemikiran Lahuma ingin mengeluarkan anaknya daripada persekolahan sangat tidak wajar dan mencabuli hak serta masa depan anaknya iaitu Jenab. Sebagai ketua keluarga Lahuma seharusnya memberi perhatian terhadap pendidikan anak-anaknya dan bertanggungjawab kepada mereka sehingga dewasa. Menurut Bronfenbrenner (1995) ibu bapa merupakan ejen dan sangat aktif berfungsi sejak seseorang anak itu dilahirkan serta akan memberi pengaruh yang sangat besar kepada perkembangan anaknya. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap anak akan mendengar dan mengikut aturan kehidupan yang telah diberi oleh ibu bapa mereka serta ibu bapa mempunyai hak untuk mencorak kepribadian anaknya itu. Gaya pemikiran dan kehidupan keluarga juga akan menjadi dorongan kepada anak-anak jika ibu bapa tidak bersedia membentuk dan membuka peluang kearah kehidupan yang lebih baik dan kondusif.

“Dia dok darjah berapa sekarang?” soal Lahuma. Selama ini, dia tidak pernah mengambil berta langsung tentang anak di sekolah.

(*Ranjau Sepanjang Jalan*, 2006:29)

Shahnon Ahmad sebagai seorang pengarang teks *Ranjau Sepanjang Jalan* jelas membawa gambaran situasi ibu bapa yang berlaku pada zaman pascakemerdekaan

berkenaan pelajaran anak-anak mereka. Gambaran ini sebenarnya berlaku kerana situasi negara pada masa itu kekurangan golongan intelektual untuk mengeluarkan idea dan pandangan baharu untuk meningkatkan bidang pendidikan negara. Tindakan “lepas tangan” watak Lahuma perlu dibuang oleh ibu bapa pada hari ini kerana ilmu dan pendidikan akademik sangat diperlukan pada masa ini. Hadis diriwayatkan oleh Anas bin Malik: Rasulullah SAW bersabda “menuntut ilmu adalah fardhu atas setiap orang Islam dan penuntut ilmu akan didoakan keampunan oleh semua termasuk ikan-ikan di lautan”. Hadis ini menunjukkan bahawa Islam menuntut umatnya berilmu bukannya hanya beramal tanpa ilmu yang boleh menyesatkan diri serta umat. Ilmu pengetahuan bukan sahaja dapat meningkatkan darjat individu malah dapat melahirkan umat masyarakat yang bijak serta mempunyai nilai moral yang tinggi dan akhlak yang terpuji.

Semua pihak perlu memberi keutamaan berkaitan pendidikan serta tidak boleh memperkecilkan golongan akademik seperti yang dikatakan oleh watak Jeha dalam teks

Ranjau Sepanjang Jalan:

“Kalau tak boleh baca, macam mana nak tarik keluar?” Lahuma menoleh ke arah isteri yang setia menemaninya.

“Orang perempuan tak boleh baca pun tak apa. Laku juga. Saya dulu tak pernah sekolah pun,”

(*Ranjau Sepanjang Jalan*, 2006:29)

Berdasarkan petikan tersebut, jelas menunjukkan sifat Jeha yang tidak begitu suka terhadap pendidikan akademik di sekolah. Walaupun Jeha mengalami kehidupan yang susah serta dihimpit kemiskinan namun dia tidak menyedari kebaikan pendidikan jika anak-anaknya berjaya suatu hari nanti. Percakapan Jeha juga seperti menyindir ahli akademik dan menganggap kehidupan wanita hanya menjadi seorang isteri sahaja. Hal

ini dikatakan demikian kerana budaya masyarakat Melayu pada masa itu sangat tertutup dan menjadikan isteri sebagai pembantu suami sahaja. Konsep ini juga dilihat meletakkan martabat wanita diperingkat bawah dan perkara ini sangat lantang dikritik oleh Feminisme iaitu golongan yang memperjuangkan hak dan kaum wanita. Jeha tidak sepatutnya menyuarakan perkara ini kepada suaminya kerana akan menjadi sebuah dorongan yang dapat membantutkan pembelajaran anak mereka dan dia harus sedar bahawa ilmu sangat berguna untuk anaknya keluar dari kemiskinan pada masa depan.

Pendidikan merupakan sebuah cabang yang memberi fungsi terhadap masyarakat serta unsur ini juga dilihat selari dengan teori Fungsionalisme dalam kehidupan sesebuah masyarakat. Berdasarkan teori Fungsionalisme imperatif *Latency Maintenance* Talcott Parsons berpendapat bahawa pendidikan mempunyai fungsi tersendiri untuk masyarakat seperti peranan persekolahan kepada pelajar. Semua pihak perlu bekerjasama untuk menggalakkan dan menyokong antara satu sama lain bagi melancarkan fungsi berteraskan matlamat yang telah dipersetujui dalam kalangan ahli masyarakat.

Fungsionalisme juga menekankan kepada elemen memilih dan melatih. Berlandaskan teori tersebut kanak-kanak akan mendapat peluang yang sama untuk meningkatkan kemahiran diri serta memberi sumbangan kepada perkembangan masyarakat berdasarkan cabang dan fungsi masyarakat yang lain. Pendidikan mempunyai fungsi dan peranan yang sangat besar dalam pembangunan ekonomi dan sosial dalam sesebuah negara. Pengiktirafan negara maju juga dilihat berdasarkan Indeks Pembangunan Manusia (IPM) yang menggabungkan beberapa perkara seperti ekonomi, pendapatan negara, jangka hayat, pendidikan dan lain-lain. Perkara ini jelas menunjukkan

kemajuan sesebuah negara berpandukan kepada sistem pendidikan dan kadar buta huruf yang rendah dalam kalangan penduduk. Oleh itu, diharap teks *Ranjau Sepanjang Jalan* dapat membuka mata semua pihak tentang kepentingan ilmu akademik dalam kehidupan seseorang pada masa hadapan.

4.6 Keagamaan dalam Kehidupan Masyarakat Melayu

Unsur keagamaan pula merupakan perkara yang berkaitan dengan agama Islam yang ditonjolkan oleh penulis dalam *Ranjau Sepanjang Jalan*. Ketaqwaan kepada Allah SWT merupakan satu asas yang harus wujud dalam setiap umat islam kerana perkara ini berada paling atas dalam rukun iman iaitu beriman kepada Allah SWT. Konsep agama mempunyai fungsi yang tersendiri bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang harmoni dan mengamalkan teras agama dalam kehidupan seharian. Konsep keagamaan merupakan sebuah cabang fungsi dalam masyarakat berdasarkan teori Fungsionalisme pendekatan Talcott Parson iaitu *Integration*. Perkara ini juga dapat mengawal manusia daripada melakukan sesuatu perkara yang berlebihan dan boleh meruntuhkan organisasi dalam sesebuah masyarakat. Konsep keagamaan sangat erat dipegang oleh masyarakat Malaysia berdasarkan Rukun Negara yang pertama iaitu kepercayaan kepada tuhan. Perkara ini telah diamalkan oleh semua masyarakat dan mengikut peraturan yang telah ditetapkan dalam agama masing-masing.

Islam juga mengajak umatnya melakukan kebaikan dan melarang melakukan kejahatan kepada semua makhluk yang wujud di dunia. Islam berlandaskan kebaikan, keadilan, ketaatan dan melakukan suruhan agama seperti solat, berdoa serta membaca *al-Quran*. Selain itu, perkembangan sastera Islam juga dapat dilihat berdasarkan situasi

islamik yang dibawa oleh penulis dalam sesebuah hasil karya. Menurut Ahmad Nabil (2019), cetusan perbincangan berkaitan sastera Islam telah bermula sejak 1970 lagi. Isu-isu serta aspek agama Islam akan dimasukkan dalam karya dan dijadikan hujah berdasarkan fatwa sebenar yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Penglibatan penulis untuk membawa sudut pandang Islam dalam masyarakat juga dilihat bertepatan serta tidak membawa ajaran yang menyimpang daripada ajaran Ahli Sunah Wal Jamaah di Malaysia.

Konsep keagamaan iaitu percaya kepada Allah SWT dapat dilihat dalam teks *Ranjau Sepanjang Jalan* dimana Lahuma berdoa kepada Allah SWT selepas dia selesai mengerjakan solat fardhu. Dia juga percaya dengan rezeki yang ditetapkan oleh Allah SWT berdasarkan apa yang diusahakan olehnya dalam aktiviti menanam padi. Lahuma juga sering melakukan solat secara berjemaah bersama anak isterinya dan menadah tangan memohon doa ke hadrat Allah SWT.

Lahuma sedang bertimpah di atas tikar mengkuang sambil kedua-dua belah tangannya tercantum menadah langit. Jeha yang berada di belakangnya dalam keadaan serba putih bertimpah dengan kemas sekali. Mukanya ditutup rapat dengan kedua-dua belah tapak tangan.

(*Ranjau Sepanjang Jalan*, 2006:12)

Berdasarkan petikan tersebut jelas menunjukkan bahawa Lahuma seorang yang begitu taat kepada perintah Allah SWT dan membawa keluarganya ke jalan yang benar serta diredha-Nya. Lahuma juga mempunyai seorang isteri yang taat dan membantu dalam keadaan susah mahupun senang walau apa jua rintangan yang dihadapi tetap mereka teguh bersama. Perkara ini bertepatan dengan fungsi yang diketengahkan oleh Talcott Parsons iaitu Pencapaian Tujuan (Goal Attainment) bermaksud semua individu

mempunyai matlamat sama semasa hidup iaitu matlamat ke syurga. Namun tidak semua memilih jalan yang benar untuk mencapai matlamat utama dalam hidup. Melalui konsep ini keagamaan seperti diamalkan oleh Lahuma dilihat dapat membawa dirinya mengikut acuan dan landasan Islam dalam masyarakat tempatan. Lahuma juga mengetahui tujuan hidupnya selain daripada menanam padi serta berkhidmat untuk menyara ahli keluarganya.

Unsur keagamaan juga dipaparkan melalui konteks tawakkal dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* apabila Lahuma berfikiran terbuka jika berlaku sesuatu yang tidak diingini semasa proses menanam padi. Lahuma sedar kekuasaan pencipta melebihi segala kuasa yang ada di dunia. Dia juga mengetahui semua yang berlaku hanya terjadi dengan izin Allah SWT sahaja. Bencana alam dan serangan haiwan seperti ketam sudah menjadi lumrah Lahuma sebagai petani sejak dahulu lagi. Perkara ini sentiasa berterusan dan tiada penghujungnya kerana keseimbangan alam harus terjadi.

“Kalau anak padi tumbang kerana ketam, boleh juga saya sulam. Tetapi kalau tiak datang mengamuk bila padi menguning apalah nasi kita tahun ini? Burung tu bukan seekor dua. Bukan beruluh dua, tetapi ratus ribu. Terlalu Banyaknya.”

(*Ranjau Sepanjang Jalan*, 2006:16)

“Ketam dan tiak itu insan seperti kita juga. ALLAH menguasai segala-galanya. Kalau burung-burung itu nak datang juga, kita hanya membiarkan saja.

(*Ranjau Sepanjang Jalan*, 2006:17)

Petikan tersebut memperlihatkan bahawa Lahuma sudah bersedia dengan apa jua jangkaan yang berlaku kepada gelung padinya. Walaupun setiap tahun Lahuma terpaksa mengharungi rintangan ini namun dia masih tetap baik sangka dengan apa yang berlaku dan terus sahaja berusaha melakukan apa yang termampu bagi menyelamatkan

padi-padinya dengan kata lain sumber ekonomi keluarganya. Sikap baik sangka Lahuma menyebabkan dia masih lagi meneruskan tradisi menanam padi dan tidak terlintas di benak pemikirannya untuk menjual tanah pusaka yang dapat mengubah kehidupan serta memberi kemewahan serta-merta kepadanya. Lahuma hanya percaya padi sahaja dapat ditanam olehnya berdasarkan kemahiran yang sedia ada dalam diri Lahuma. Keimanan diri seseorang bukan dilihat daripada penampilan ataupun kerjaya sebagai seorang agamawan sahaja tetapi hati yang bersih tanpa ada prasangka buruk terhadap sang pencipta. Unsur ini sememangnya sangat rapat dengan masyarakat yang taat kepada perintah Allah SWT terutamanya masyarakat di nusantara sejak awal kedatangan agama Islam lagi.

Konsep musibah dan redha dalam islam juga diterapkan oleh pengarang dilihat melalui watak Lahuma yang ditimpa malapetaka apabila kakinya tertikam onak duri nibung menyebabkan segala hasratnya terbantut. Musibah yang datang tanpa disedari oleh Lahuma menyebabkan isterinya Jeha terpaksa mengambil alih menggantikan tugasnya disawah. Perkara ini merupakan realiti yang berlaku dalam masyarakat iaitu isteri terpaksa memikul tugas dan tanggungjawab suami dikala suami ditimpa musibah. Penceraian juga akan berlaku jika isteri tidak kuat menanggung beban dan hanya ingin menumpang ketika senang sahaja. Namun, watak Jeha dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* bersedia dan meneruskan tugas suaminya serta tidak mengeluh dengan apa yang terjadi.

Jeha mendengar pesanan itu dengan perasaan sebak. Dia mengangguk. Biarlah dia yang memikul beban Lahuma. Dia sanggup melakukannya.

(*Ranjau Sepanjang Jalan*, 2006:94)

Petikan tersebut memaparkan watak Jeha seorang yang ikhlas dalam berhubungan rumahtangga dan sangat sayang akan suaminya. Seorang wanita seharusnya jujur dan boleh menerima susah dan senang hidup sebagai seorang isteri. Masyarakat kampung yang digambarkan oleh Shahnnon Ahmad dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* sangat bertepatan dengan situasi sebenar yang berlaku di kampung pada zaman itu. Namun, wanita dan lelaki sekarang lebih memilih keselesaan dengan meninggalkan isteri atau suami jika ditimpa sebarang masalah dan musibah. Perkara ini sangat membimbangkan dengan berlakunya peningkatan kadar penceraian di Malaysia setiap tahun. Teks *Ranjau Sepanjang Jalan* sangat berkualiti disamping menyampaikan perwatakan masyarakat pada era pascakemerdekaan yang begitu taat, sayang dan cinta kepada ahli keluarga.

Berpandukan dengan analisis keagamaan dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* dapat dilihat bahawa unsur agama sangat banyak diterapkan oleh pengarang melalui watak Lahuma dan Jeha. Agama dilihat memainkan fungsi yang baik serta mengajar erti bersabar, tawakal, bersangka baik dan sebagainya. Fungsi ini dapat mengharmonikan keadaan serta memberi kesejahteraan kepada masyarakat dan selari dengan teori Fungsionalisme. Menurut Durkheim (1992) menyatakan kepercayaan dan perilaku berkaitan keagamaan dapat menyatukan umat dalam sebuah komuniti yang sangat bermoral. Oleh itu, unsur agama perlu diterapkan dalam diri seseorang agar kesatuan dalam masyarakat lebih terurus dan memberi kesejahteraan kepada semua pihak.

4.7 Nilai Kemanusiaan yang diwujudkan oleh Shahnnon Ahmad

Menurut Kamus Dewan Perdana (2020), kemanusiaan ditakrifkan sebagai perilaku manusia dan sifat-sifat manusia yang berkait rapat dengan kehidupan seharian dalam

masyarakat. Kemanusiaan merupakan sebuah isu yang sering berlegar dalam kalangan masyarakat di segenap pelusuk dunia. Isu kemanusiaan sering bermain dalam kalangan masyarakat hari ini dan masyarakat silam sehingga wujud dalam manuskrip lama tentang kepribadian sama ada baik ataupun buruk seseorang itu. Fungsi kemanusiaan juga selaras dengan teori Fungsionalisme yang menekankan fungsi bahagian tertentu untuk menjamin kestabilan dalam kehidupan masyarakat. Masyarakat akan mengalami masalah jika bahagian tertentu tidak berfungsi dengan betul ataupun berfungsi secara negatif.

Sifat dan perilaku manusia juga perlu menunjukkan nilai-nilai moral yang tinggi serta baik dari segenap aspek dengan mencerminkan manusia sebagai makhluk paling terpuji di dalam dunia. Unsur kemanusiaan boleh dilihat daripada dua sudut pandang yang berbeza iaitu sifat-sifat yang positif dan sifat negatif. Sifat positif selalunya wujud dalam kehidupan manusia normal seperti baik hati, taat kepada suami, saling menyayangi, nasihat menasihati, bertimbang rasa dan tolong menolong. Sudut pandang negatif pula adalah perkara dan sifat jahat yang wujud dalam diri seseorang manusia seperti kejam, buruk sangka, pemaarah dan zalim. *Ranjau Sepanjang Jalan* banyak memaparkan unsur realiti berkaitan nilai kemanusiaan yang benar-benar berlaku dalam kehidupan seharian masyarakat di Malaysia. Kemanusiaan merupakan sebuah pemikiran dan tingkah laku yang terhasil secara tindak balas serta semula jadi bagi memenuhi kebajikan diri sendiri dan juga orang lain. Tindak balas tersebut akan diterjemahkan melalui nilai yang baik seperti kasih sayang, toleransi dan sebagainya.

Pelbagai unsur kemanusiaan diwujudkan oleh Shahnnon Ahmad dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* untuk mengetengahkan nilai-nilai murni kepada masyarakat. Beberapa

nilai kemanusiaan yang dilihat bertepatan dengan masyarakat petani di kampung pada zaman 1960-an seperti toleransi, kerja keras, mandiri, kasih sayang dan sebagainya. Nilai kemanusiaan seperti ini masih teguh dalam kalangan masyarakat walaupun sedikit dipengaruhi oleh budaya kuning yang dapat merosakkan minda masyarakat terutamanya golongan muda. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat pada hari ini dilihat sedikit tersasar daripada nilai kemanusiaan dan sangat mementingkan diri sendiri sahaja tanpa mengambil berat tentang masalah orang lain. Nilai kemanusiaan seharusnya dipertingkatkan lagi dalam kalangan masyarakat sejak dibangku sekolah lagi agar perkara ini sehati dalam diri setiap individu.

Nilai toleransi merupakan sikap saling menghormati, mendengar pendapat orang lain dan menjalinkan hubungan yang baik dengan individu ataupun kelompok tertentu. Nilai ini juga diterapkan dalam masyarakat dengan menziarahi sanak-saudara, menghadiri majlis keramaian, menyertai aktiviti keagamaan dan sebagainya. Toleransi juga merupakan sebuah nilai untuk menjaga diri seseorang daripada mencipta konflik yang boleh memberi kehancuran dalam masyarakat. Nilai ini juga ditonjolkan oleh seseorang dengan sifat mendengar pandangan dan membantu menyelesaikan masalah walaupun bukan berkaitan dengan diri sendiri. Perkara ini dapat dilihat melalui nilai toleransi yang ditunjukkan dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* dengan menggambarkan penduduk kampung membantu watak Lahuma menghalau ular di sawahnya.

“Ikut Lahuma semua. Limau purut itu akan menakutkan apa saja jenis ular. Kalau ada ular tedung selar dan ular kapak sekalipun akan cabut lari”.

“Mari!” seru Lahuma sambil kepalanya dibelit dengan kain sebai sebagai penyeka peluh.

(*Ranjau Sepanjang Jalan*, 2006:51)

Berdasarkan petikan tersebut jelas menunjukkan bahawa penduduk kampung mempunyai nilai toleransi yang tinggi dengan membantu Lahuma walaupun ular tersebut tidak mengancam penduduk kampung yang lain. Penduduk kampung juga tidak keberatan untuk membantu Lahuma dan meninggalkan pekerjaan demi keharmonian penduduk kampung yang lain. Nilai toleransi juga memberi semangat kerjasama dan berpasukan dalam kalangan penduduk kampung serta mendengar pandangan dan cadangan yang dilontarkan oleh Lahuma untuk mencari haiwan berbisa itu. Walaupun Lahuma bukan seorang berpengaruh ataupun ketua kampung namun mereka boleh mendengar pandangan dan mengikut apa yang dirasakan terbaik demi keselamatan bersama.

Seterusnya, teks *Ranjau Sepanjang Jalan* juga ada memaparkan unsur kemanusiaan iaitu nilai kerja keras dalam menempuh hidup sebagai seorang petani. Kerja keras yang dilakukan seorang diri sebagai petani sangat membebankan. Namun, ketabahan dan usaha menjadi kekuatan kepada golongan petani tanpa perlu meminta bantuan daripada orang lain.

“Tolong apa?” soal Jeha pura-pura tidak tahu.

“Habiskan bendang kita,” jelas Lahuma sambil mengerut-ngerut kulit mukanya menahan ke-sakitan yang sedang menyerang kaki untut sebesar batang pinang itu.

“Tetapi saya boleh habiskan,” bantah Jeha sungguh-sungguh.

(*Ranjau Sepanjang Jalan*, 2006:119)

Petikan tersebut menunjukkan unsur kemanusiaan iaitu nilai kerja keras ditunjukkan oleh seorang wanita yang bergelar seorang isteri. Jeha begitu semangat dan yakin dapat meneruskan kerja di sawah sebanyak 14 relung bersama anak perempuannya yang sedang meningkat dewasa. Sifat kerja keras dalam diri Jeha terlahir akibat musibah

yang meninpa suaminya. Perkara ini telah mendorong Jeha berusaha sendiri tanpa meminta bantuan dan pertolongan daripada tuk penghulu ataupun penduduk kampung. Jeha menolak cadangan yang diutarakan oleh suaminya kerana menyedari kedudukan mereka sebagai keluarga miskin dan banyak kekurangan seperti:

Payah minta tolong orang. Kalau diberi, alhamdulillah. Tetapi kalau ditolak, akan malulah sepanjang hayat.

(Ranjau Sepanjang Jalan, 2006:119)

Kesukaran hidup selama ini telah mengajar Jeha agar lebih berusaha keras dan jangan terlalu mengharapkan bantuan daripada orang lain. Nilai tersebut sangat perlu diterapkan dalam kehidupan anak muda serta masyarakat pada hari ini. Hal ini dikatakan demikian kerana segelintir masyarakat hari ini sanggup berhutang untuk kelihatan mewah bak kata pepatah “biar papa asal bergaya”. Perkara ini sangat bahaya kerana mereka yang bergaya tanpa ada pendapatan sewajarnya boleh menyebabkan muflis ataupun disenarai hitam kerana banyak komitmen hutang sedang ditanggung. Semua pihak perlu menerapkan nilai kerja keras dalam diri setiap individu dan berusaha meningkatkan taraf hidup daripada berusaha menambah bebanan hutang yang tidak perlu. Usaha keras daripada keluarga Lahuma dan Jeha wajar dicontohi oleh masyarakat kini agar maruah diri dan tanah air tidak tergadai pada masa depan.

Unsur kemanusiaan juga diterapkan melalui nilai kasih sayang yang ditunjukkan Jeha apabila Lahuma mengalami kesakitan. Pengorbanan seorang isteri iaitu watak Jeha kerap ditonjolkan oleh pengarang melalui situasi yang mencabar. Namun begitu, kekuatan dan ketabahan wanita ini tidak berpanjangan kuat dan pasti ada kesedihan yang terpaksa dilalui dengan titisan air mata.

Air mata Jeha tidak dapat ditahan daripada terus bergenang. Sebak melihat keadaan suami-nya, tempat dia bergantung harap.

(*Ranjau Sepanjang Jalan*, 2006:94)

Jeha begitu sebak melihat keadaan suaminya yang semakin teruk serta mengenangkan saat kebahagiaan mereka bersama dalam keadaan senang dan susah. Jeha juga bergantung harap kepada Lahuma kerana mereka tiada keluarga dan tempat untuk bergantung harap jika berhadapan dengan sebarang masalah. Hal ini dikatakan demikian kerana anak-anak mereka sedang membesar dan memerlukan sokongan kewangan yang cukup bagi menampung perbelanjaan bulanan dapur mereka. Keringat Lahuma sahaja yang dapat diharapkan selama ini namun “malang tidak berbau” serta mengheret Jeha sekeluarga ke dalam sebuah masalah yang tiada penghujungnya. Jelaslah nilai kasih sayang sememangnya wujud dalam diri sebagai isteri dan perasaan tersebut juga menguatkan Jeha menanti hari yang mendatang.

Berdasarkan perbincangan di atas berkaitan unsur realisme iaitu kemanusiaan dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* sering kali berlaku dalam masyarakat sehingga kini. Unsur kemanusiaan juga dilihat selari dengan teori Fungsionalisme (Talcott Parsons, 1951) iaitu nilai dan sifat kebahagiaan dalam masyarakat mempunyai fungsi yang tersendiri untuk memberi keharmonian dalam penerusan sistem kehidupan bermasyarakat. Semua unsur tersebut diharap menjadi pengajaran serta ikhtibar kepada semua pihak termasuklah kerajaan bagi memastikan bantuan sewajarnya dapat disalurkan secara terus tanpa campur tangan orang lain. Unsur kemanusiaan juga diharap dapat diselami dan diterapkan dalam kehidupan seharian individu yang bergelar suami isteri. Melalui penelitian ini dapat dilihat bahawa karya sastera dihasilkan merupakan perkara

sebenarnya yang berlegar dalam kehidupan masyarakat. Oleh itu, tidak disangkal lagi bahawa teks *Ranjau Sepanjang Jalan* memaparkan unsur realisme yang benar-benar berlaku di negeri Kedah dan masih berterusan sehingga ke masa ini.

4.8 Adat dan Budaya dalam Kehidupan Masyarakat Melayu

Menurut Amri Marzali (2012) menyatakan bahawa pengertian adat disifatkan sebagai arahan, panduan dan peraturan hidup yang diperlukan oleh seseorang untuk menyelaraskan serta mengatur tingkah laku individu dalam kehidupan bermasyarakat. Unsur Adat dan budaya mempunyai fungsi tersendiri untuk membentuk sebuah kehidupan yang harmoni dalam sesebuah masyarakat. Perubahan yang berlaku berkaitan adat dan budaya masyarakat akan memberi kesan kepada normal kehidupan dan menghakis nilai yang baik dalam masyarakat seperti kurang nilai menghormati antara satu sama lain. Teori Fungsionalisme sangat mementingkan fungsi yang diwujudkan untuk melancarkan kehidupan masyarakat. Berdasarkan konsep Parsons (1951) iaitu *adaptation* yang mana semua individu akan menyesuaikan diri dengan peraturan dan tuntutan hidup bermasyarakat. Setiap peraturan dan adat akan diteruskan oleh generasi ke generasi kerana telah terbiasa dan selesa melakukan sesebuah perkara dalam kehidupan.

Adat merupakan sebuah perkataan berasal dari bahasa Arab iaitu “adah” yang memberi erti sesebuah perkara dilakukan oleh seseorang secara berulang-ulang sehingga menjadi kebiasaan dan corak kehidupan (Zainal Kling et al,1996). Adat dan budaya masyarakat selalunya wujud di segenap tempat namun ada kalanya adat tersebut tidak lagi digunakan dan dilupakan berikutan kemajuan teknologi serta digital pada masa ini. Adat dan budaya dalam masyarakat Melayu begitu luas di nusantara. Hal ini dikatakan

demikian kerana adat meliputi segala aspek seperti undang-undang, tingkah laku, tatatertib, nilai berbahasa, kepercayaan, amalan seharian, cara hidup dan perilaku yang wajar. Adat dan budaya dalam masyarakat melayu tidak boleh dipisahkan sama sekali kerana landasan kemelayuan mempunyai nilai yang tinggi dan sering bersangkutan dengan adat tradisi masyarakat. Amalan adat dan budaya dalam masyarakat Melayu sangat tinggi serta hampir semua perbuatan dalam kehidupan mempunyai tatacara yang tersendiri. Perkara yang paling dekat dengan masyarakat ialah adat merisik, memining, malam berinai, bersanding dan langkah bendul. Perkara tersebut masih lagi diamalkan sehingga hari ini kerana tidak bercanggah dengan syariat Islam.

Koentjaraningrat (2002) berpendapat budaya merupakan perbuatan dan tingkah laku normal berlaku dalam kehidupan masyarakat. Perkara yang paling dekat dan menjadi budaya masyarakat Melayu adalah majlis-majlis hiburan dan keramaian. Masyarakat Melayu terkenal dengan budaya warisan dan bersatu dalam masyarakat pada masa dahulu sehingga kini. Budaya yang diamalkan dan dekat dengan hati orang Melayu adalah membantu menyelesaikan sesebuah masalah yang berlaku dalam masyarakat atau kampung secara berkumpulan. Budaya juga sangat dekat dengan cara hidup masyarakat Melayu di Kedah iaitu mereka akan melakukan aktiviti menanam padi untuk memenuhi tuntutan hidup seharian. Budaya yang berkembang ini juga terus menjadi nadi kepada petani yang diwarisi daripada generasi terdahulu sehingga sukar untuk keluar daripada kehidupan tersebut dan melatih anaknya untuk terus hidup dengan bergantung kepada padi. Budaya juga dinggap sebuah kesalahan oleh segelintir masyarakat jika tidak diteruskan dalam kehidupan harian mereka.

Seterusnya berdasarkan karya Shahnnon Ahmad teks *Ranjau Sepanjang Jalan* wujud unsur realisme berkaitan dengan adat dan budaya yang diamalkan oleh masyarakat Melayu dan terus diamalkan pada masa ini. Adat merisik yang terdapat dalam teks merupakan adat orang Melayu dan peringkat ini wujud sebelum melangsungkan perkahwinan. Adat merisik juga dikatakan sebagai kaedah dan cara untuk orang Melayu melihat serta meninjau bakal isteri ataupun menantu sebelum dipinang. Adat ini merupakan satu tahap awal untuk menjodohkan antara lelaki dan perempuan serta pertemuan pertama antara dua keluarga. Keluarga sebelah lelaki juga akan melakukan sesi rundingan dan pertanyaan dengan keluarga perempuan untuk mengelakkan tersalah meminang perempuan yang telah mempunyai pasangan.

Adat merisik sememangnya satu perkara biasa yang dilakukan dalam masyarakat Melayu dan disebutkan oleh Jeha kepada Lahuma berkaitan masa depan anaknya iaitu Sanah. Jeha merasakan Sanah sudah melangkaui umur dewasa dan telah bersedia untuk membina keluarganya sendiri. Jeha dan Lahuma dikurniakan enam orang anak perempuan dan kesemua anaknya akan dirisik dengan penuh adat pada masa akan datang. Jeha juga tidak sabar ingin melihat anaknya berumah tangga namun tidak bagi Lahuma kerana dia beranggapan Sanah dapat menolong menguruskan keperluan makan dan minum keluarganya.

“Tak lama lagi datanglah risik,” sungut Jeha yang masih berada di belakang. “Sanah tu dah bertubuh sekarang.”

Lahuma tidak menyahut kata-kata Jeha. Anak sulungnya itu pantas membuat kerja. Kalau setakat padi seguni itu, dapat ditumbuknya sampai habis.

(*Ranjau Sepanjang Jalan*, 2006:27)

Berdasarkan petikan di atas jelas memaparkan bahawa unsur adat iaitu adat merisik cuba diketengahkan oleh penulis dalam *Ranjau Sepanjang Jalan*. Unsur ini sememangnya kuat dan masih diamalkan oleh masyarakat kampung di semenanjung Malaysia. Perkara ini dilakukan agar tidak berlaku kesalahan ketika mencari calon isteri supaya benar-benar menjadi pilihan keluarga pihak lelaki. Hal ini dikatakan demikian kerana jika adat ini tidak diteruskan maka akan berlaku salah faham dan tersilap menyukai isteri orang lain. Perkara ini sewajarnya dipertahankan dalam masyarakat agar gejala sosial dalam kalangan remaja berkurangan dan meningkatkan sifat tanggungjawab dalam diri seorang bakal suami.

Selain itu, adat memberi nilai hantaran juga dipaparkan dalam *Ranjau Sepanjang Jalan*. Perkahwinan merupakan sunah Nabi Muhammad SAW dan perlu dipercepatkan serta tidak boleh menyusahkan kedua belah pihak sama ada pihak lelaki dan juga pihak perempuan. Majlis perkahwinan perlu dilakukan secara meriah dan tidak membebankan kedua-dua keluarga untuk mengeratkan hubungan serta silaturahim antara dua keluarga. Hantaran yang terlalu tinggi dan berlebihan menjadi sebuah fenomena pada masa ini yang boleh membebankan pihak lelaki. Sifat suka banding-membanding juga menyebabkan berlaku peningkatan nilai hantaran yang tidak masuk akal sehingga pihak lelaki terpaksa melakukan pinjaman peribadi untuk memuaskan hati pihak keluarga perempuan. Nilai hantaran rendah dan tinggi menjadi kebiasaan masyarakat Melayu mengikut tahap tertentu dan setimpal dengan pencapaian anak perempuan mereka.

“Harganya?”

“Kita tengok orang dulu. Kalau orang berada. Makan mata empat, lima ratus. Kalau kurang sikit, dua atau tiga ratus pun dah padan dengan Sanah kita tu.”

(*Ranjau Sepanjang Jalan*, 2006:28)

Berdasarkan petikan tersebut, adat memberi dan menerima duit hantaran juga dipaparkan dalam karya *Ranjau Sepanjang Jalan* melalui watak Jeha yang meminta pendapat suaminya Lahuma berkaitan harga hantaran anak gadisnya iaitu Sanah. Hantaran merupakan sejumlah duit yang diberi oleh pihak lelaki kepada keluarga wanita. Mengikut tradisi masyarakat Melayu duit hantaran biasanya digunakan untuk membuat majlis dan persiapan perkahwinan. Namun, ada juga menyerahkan duit hantaran kepada pengantin perempuan sepenuhnya untuk membeli emas dan sebagainya. Nilai hantaran yang diutarakan oleh Jeha sebenarnya perkara yang sering berlaku dalam kehidupan masyarakat sehingga hari ini. Nilai hantaran juga boleh dijadikan isu besar sehingga membatalkan majlis perkahwinan kerana segelintir mereka rasa tidak sepadan serta memperlekehkan kejayaan anaknya dalam pelajaran dan kerjaya. Oleh itu, masyarakat seharusnya mengetahui bahawa hantaran bukan perkara yang wajib dalam sesebuah perkahwinan kerana perkara yang benar-benar dituntut dalam Islam adalah mas kahwin yang seberapa mampu sahaja.

Seterusnya, unsur budaya juga dipaparkan oleh penulis dalam teks melalui watak Lahuma yang melakukan aktiviti menanam padi secara turun-temurun. Aktiviti menanam padi biasanya dilakukan oleh masyarakat Melayu yang tinggal di perkampungan dan di kawasan bukit. Perkara ini masih lagi terjadi dalam masyarakat dan aktiviti ini juga dilihat memberi pendapatan yang agak lumayan jika dilakukan secara besar-besaran. Namun, petani yang tidak mempunyai tanah akan merasa bebanan dan hidup secara ala kadar sahaja untuk menghabiskan semusim sehingga peringkat menuai. Petani di kampung biasanya akan menjalankan aktiviti ini kerana kurang peluang pekerja dan terpaksa berhijrah jika ingin mendapatkan perkerjaan yang baik.

Datuknya dulu pun bergantung hidup pada padi juga. Begitu juga dia. Padi ditanam. Padi dijemur. Padi ditumbuk.

(*Ranjau Sepanjang Jalan*, 2006:2)

Berdasarkan petikan tersebut, memaparkan bahawa watak Lahuma sudah terbiasa dan selesa mencari nafkah dengan menjalankan aktiviti menanam padi secara tradisional. Hal ini dikatakan demikian kerana sejak zaman datuknya lagi Lahuma sudah terbiasa melakukan aktiviti ini dan mempelajarinya daripada datuk serta bapanya. Lahuma juga tidak pernah berfikir untuk mencari perkerjaan lain dan menganggap padilah yang memberi makan mereka dan membesarkan anaknya dengan hasil keuntungan jualan padi. Perkara ini juga berpunca daripada Lahuma dan isterinya Jeha yang tidak mempunyai sebarang sijil akademik menyebabkan peluang mereka untuk bekerja dibidang lain sangat tipis dan tidak mendapat sebarang tempat. Namun, usaha dan pengalaman Lahuma serta dokongan penduduk kampung yang lain beliau gembira dan cinta akan aktiviti menanam padi sehingga sanggup menepuhi penat dan lelah menguruskan 14 relung sawah miliknya.

Budaya mistik dan mempercayai bomoh dalam masyarakat Melayu juga dipaparkan dalam teks *Ranjau Sepanjang Jalan*. Masyarakat di nusantara terutamanya masyarakat Melayu sangat mempercayai bomoh untuk menilik nasib dan merubat segala penyakit yang ada. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Melayu sering melibatkan diri dalam elemen mistik dalam aktiviti seharian mereka. Semua perkara berkaitan adat dan budaya sangat akrab dengan kepercayaan tertentu tanpa merujuk kepada pakar klinik dan hospital. Perkembangan teknologi dan perubahan pada masa itu juga kurang mendapat perhatian terutamanya golongan berumur yang tinggal di pinggir bandar dan pedalaman. Mereka lebih suka berjumpa dengan bomoh atau dukun untuk

merawat sakit mereka daripada merujuknya ke hospital. Makhluq halus dan perkara mistik akan menjadi perantara untuk mengubati segala penyakit. Budaya sebegini dalam masyarakat sebenarnya boleh membawa maut kepada pesakit kerana hujah bomoh tidak menggunakan teori yang benar dan segelintir hanyalah pembohongan semata-mata. Dalam teks *Ranjau Sepanjang Jalan* juga memaparkan situasi bomoh dipanggil untuk mengubati Lahuma:

Seorang pawang yang dipanggil cuba membuat air jampi dengan beras kunyit dan kemenyan tetapi duri itu masih juga tersumbat di dalam.

(*Ranjau Sepanjang Jalan*, 2006:94)

Berdasarkan petikan tersebut, dapat dilihat bahawa pawang sebenarnya tidak dapat sepenuhnya mengeluarkan duri dalam daging tetapi hanya melengahkan masa dan memberi keburukan secara tidak sedar kepada Lahuma. Duri yang masuk ke dalam isi daging Lahuma menyebabkan sukar untuk duri itu keluar tanpa menjalani pembedahan kecil. Pemikiran masyarakat juga perlu digunakan dengan baik dan secara matang bukan hanya melihat beban dan menunggu saat kematian seseorang sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana akibat kepercayaan dan ketaksuban kepada perkara mistik serta bomoh menyebabkan seseorang ahli keluarga merana menahan kesakitan serta kehilangan nyawa boleh berlaku. Unsur tersebut masih berlegar-legar dalam masyarakat pada hari ini dan bomoh juga menggunakan nama ustaz untuk menarik kepercayaan para pelanggan. Oleh itu, masyarakat dinasihatkan supaya merujuk klinik dan hospital jika berlaku perkara seperti ini kerana cara pembedahan kecil untuk mengeluarkan sisa duri dapat menyelamatkan nyawa seseorang yang tidak berdosa.

Berpandukan perbincangan berkaitan unsur adat dan budaya dalam kehidupan masyarakat melayu dapat dilihat bahawa unsur tersebut memainkan peranan yang besar dalam kehidupan masyarakat di kawasan perkampungan. Teori Fungsionalisme pendekatan Talcott Parsons (1951) juga dilihat selari dengan unsur tersebut kerana dapat memberi pengajaran dan menyemai nilai-nilai moral dalam kehidupan masyarakat. Proses pembelajaran dalam masyarakat juga dilakukan melalui sistem adat dan budaya agar masyarakat memahami perkara yang diperlukan untuk terus bertahan dalam sistem kemasyarakatan. Proses ini akan berlaku dari sejak kecil sehingga dewasa dan akan diturunkan kepada generasi selepasnya. Pendekatan *adaptation* oleh Talcott Parsons bertepatan dengan unsur ini yang mana masyarakat perlu menyesuaikan diri dalam adat dan budaya yang wujud dalam persekitarannya.

4.9 Kesimpulan

Teks *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad dilihat sepenuhnya memaparkan unsur realisme yang berlaku dalam masyarakat di Malaysia khususnya negeri Kedah yang terkenal dengan negeri jelapang padi. Unsur realisme yang dibawa juga dicantumkan dengan peristiwa kekeluargaan dan kemasyarakatan yang begitu dekat dengan hati pembaca. Cara penulisan dan penceritaan juga dapat difahami dengan begitu mudah oleh segenap lapisan masyarakat. Unsur realisme yang terdapat dalam teks *Ranjau Sepanjang Jalan* adalah unsur, kekeluargaan, kepimpinan, kemiskinan hidup masyarakat petani, pendidikan dalam kehidupan masyarakat, keagamaan, kemanusiaan serta unsur adat dan budaya dalam kehidupan masyarakat Melayu. Oleh itu, unsur tersebut dilihat bahawa karya Shahnnon Ahmad iaitu *Ranjau Sepanjang Jalan* begitu relevan pada masa itu dan terus menjadi rujukan pada harini.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab ini adalah bab terakhir yang dilakukan oleh pengkaji dalam menyediakan kajian ini. Dalam bab ini juga, pengkaji akan melakukan rumusan keseluruhan analisis dan perbincangan kajian yang telah dilakukan sebelum ini. Pada bab ini juga, pengkaji akan mengetengahkan implikasi dan cadangan yang berkualiti bagi membantu pengkaji-pengkaji lain untuk meneruskan serta mengisi kelompongan kajian ini pada masa hadapan.

5.2 Rumusan Kajian

Kajian ini merupakan analisis unsur realisme yang terdapat dalam teks *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad berdasarkan teori Fungsionalisme. Secara rumusannya, karya sastera merupakan sebuah pendekatan yang digunakan oleh penulis untuk mengeluarkan pandangan serta melontarkan kritikan kepada pihak tertentu. Teks sastera yang dikarang oleh penulis sememangnya mempunyai unsur realiti untuk diketengahkan dalam kalangan masyarakat. Perkara ini penting agar hasil karya yang dihasilkan tersebut bukan sahaja sebagai hiburan semata-mata tetapi dapat dijadikan pengajaran dan teladan dalam masyarakat pada masa akan datang. Kajian yang dihasilkan ini juga sebenarnya untuk mengangkat unsur realisme dalam karya yang ditulis pada zaman pasca merdeka dengan memaparkan situasi sebenar yang dilalui oleh masyarakat di kampung terpencil.

Kajian ini juga dijalankan untuk memenuhi ruang dan kelompongan kajian lepas dari segi unsur realiti yang diketengahkan oleh penulis dalam novel sastera. Unsur realisme yang wujud dalam teks sastera juga dapat memberi ruang dan membuka mata semua pihak termasuk masyarakat untuk memperbaiki perkara negatif dan mengekalkan unsur yang dapat memberi kesan positif kepada semua pihak. Setiap bingkisan kehidupan yang dipaparkan dalam teks sastera dapat memberi nilai dan unsur yang baik dalam masyarakat pada masa ini serta dipertingkatkan lagi pada masa hadapan.

Teori Fungsionalisme dilihat sangat berkait rapat dengan struktur yang wujud dalam kehidupan masyarakat. Fungsionalisme juga mementingkan fungsi sesebuah organisasi dalam masyarakat bagi melancarkan kehidupan seharian dalam institusi negara, negeri dan kelompok tertentu. Teori Fungsionalisme juga menekankan kepada kesempurnaan struktur dan berjalan dengan baik untuk memberi keselesaan serta keharmonian bagi mengelakkan berlaku ketidakstabilan dalam kehidupan masyarakat seharian (Jacinta & Asmiaty, 2021). Fungsionalisme menurut pandangan Talcott Parsons juga dilihat memberi pendekatan dengan jelas dalam menghuraikan tugas dan fungsi sesebuah organisasi serta individu dalam struktur masyarakat. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa unsur dalam teks seperti unsur, kekeluargaan, kepimpinan, kemiskinan hidup masyarakat petani, pendidikan dalam kehidupan masyarakat, keagamaan, kemanusiaan serta unsur adat dan budaya dalam kehidupan masyarakat Melayu sangat berfungsi bagi menjaga kedamaian dalam kehidupan bermasyarakat. Cabang yang penting dalam Fungsionalisme pendekatan Talcott Parsons seperti pendidikan juga dititik beratkan agar pembangunan modal insan dapat merubah perkara negatif yang wujud dalam kehidupan masyarakat di dunia.

Berdasarkan perkara tersebut, dapat dilihat bahawa teks sastera yang dihasilkan oleh penulis seperti Shahnnon Ahmad banyak memaparkan unsur masyarakat, kepimpinan, toleransi serta keagamaan yang begitu dekat dengan masyarakat Melayu sehingga ke hari ini. Hal ini dikatakan demikian kerana unsur tersebut sememangnya masih wujud serta sehati dalam masyarakat serta diaplikasi juga melalui sistem politik, ekonomi dan sosial. Selain itu, novel dan teks pada hari ini dilihat lebih mengetengahkan isu kekeluarga dan percintaan sahaja tanpa mengulas lebih lanjut berkaitan kepayahan yang ditempuhi oleh masyarakat pada hari ini. Hal ini dilihat berpunca daripada permintaan pembaca sendiri lebih gemar menyelami karya-karya cinta yang dilihat tidak membawa keuntungan secara langsung kepada masyarakat. Namun, teks karya sastera yang dihasilkan oleh penulis seperti Shahnnon Ahmad dilihat masih relevan dan boleh dijadikan panduan kehidupan dalam masyarakat pada masa ini. Unsur positif yang diketengahkan dapat menjadi pemangkin kepada perubahan ke arah lebih baik dan masyarakat lebih sensitif terhadap masalah yang dilalui dalam kehidupan seharian.

Seterusnya, pengkaji juga melihat dan berpendapat bahawa isu utama yang ingin disampaikan oleh pengarang dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* adalah isu kemiskinan yang berlaku di negeri Kedah pada masa itu. Unsur realiti dimasukkan dalam teks tersebut agar dapat memberi kefahaman yang jelas dan matang kepada para pembaca. Unsur kepimpinan, pendidikan, keagamaan dan keluarga dilihat sangat bertepatan dengan Fungsionalisme oleh Talcott Parsons (1937). Unsur realisme dalam novel ataupun karya merupakan cerminan penulis yang jujur dan amanah untuk merubah dan memanjangkan isu kepada pihak kerajaan. Unsur tersebut juga dilihat sebagai penyeri dan sebuah keindahan yang ditafsirkan melalui sebuah penulisan. Realisme yang dipaparkan dalam teks juga dilihat sangat dekat dengan pemikiran dan minda masyarakat berkaitan situasi

kemiskinan yang dialami oleh penduduk di pedalaman Kedah, Kelantan, Pahang, Sabah dan Sarawak. Unsur adat dan budaya dalam teks juga bertepatan dengan adat resam masyarakat Melayu yang diamalkan sejak turun temurun lagi dan terus dilakukan pada hari ini jika tidak bertentangan dengan ajaran agama Islam. Oleh itu, unsur realisme yang digambarkan dalam karya sastera oleh penulis selepas kemerdekaan negara dilihat dapat menyampaikan mesej dan pandangan kepada pihak tertentu berikutan kurangnya platform untuk menyuarakan rintihan rakyat.

5.3 Implikasi Kajian

Pemikiran yang dibawakan oleh Shahnnon Ahmad dalam karya sasteranya dilihat sangat berjiwa rakyat dan memahami denyut nadi masyarakat dalam dibelenggu kemiskinan. Cara penceritaan yang berulang-ulang serta menggunakan kata-kata lembut juga memberi kesedaran dan emosi kesedihan kepada para pembaca. Hasil penulisan teks sebegini juga dilihat dapat memberi kesedaran hati, pembentukan minda dan perkembangan personaliti dalam kehidupan masyarakat. Unsur realisme iaitu sebuah unsur realiti yang benar berlaku dalam masyarakat diterapkan dalam teks dilihat memberi kesan serta secara langsung mempunyai kekuatan dan kepentingan yang tersendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana unsur yang disampaikan dalam teks dalam dinilai secara terus oleh pembaca sama ada perkara itu masih wujud ataupun sebaliknya. Teks sastera bukan sebuah karya dogengan dan fantasi yang dicipta untuk hiburan semata-mata kerana setiap ayat teks *Ranjau Sepanjang Jalan* mempunyai cara pemahaman yang tersendiri di luar kotak pemikiran para pembaca. Hasil karya tersebut dilihat dapat mendidik dan memberi pengajaran kepada semua pihak termasuk kerajaan untuk menguruskan isu kemiskinan dengan adil dan telus tanpa bantuan orang tengah.

Semua pihak juga perlu mengakui bahawa masyarakat dan penulis sememangnya mempunyai daya imaginasi yang baik untuk menterjemahkan sesebuah hasil karya iaitu teks kepada sebuah penceritaan yang padat dengan elemen kemasyarakatan. Perkara tersebut dapat menjadikan seseorang individu lebih matang dan berfikiran terbuka dalam menerima sesebuah isu masyarakat tanpa menyalahkan mana-mana pihak. Cara penceritaan teks *Ranjau Sepanjang Jalan* tidak menyentuh secara khusus pihak yang sepatutnya menjaga isu kemiskinan masyarakat di negeri Kedah. Perkara ini memberi gambaran bahawa kematangan penulis dalam menghasilkan teks sangat bertepatan dengan citarasa masyarakat masa ini yang tidak terlalu taksib kepada politik. Selain itu, hasil karya sastera diharap dapat dijadikan sebagai penasihat dalam diam kepada masyarakat untuk membetulkan kesalahan yang sering diamalkan dalam kehidupan harian. Kesenambungan antara unsur realisme dan teks sastera merupakan perkara penting dalam pembinaan jati diri masyarakat pada masa ini dan juga masa hadapan.

5.4 Cadangan daripada Hasil Kajian

Berdasarkan analisis dan hasil perbincangan yang dilakukan dalam kajian ini, pengkaji terpanggil untuk mengetengahkan beberapa cadangan yang difikirkan sangat relevan untuk digunakan pada masa hadapan. Hal ini dikatakan demikian kerana unsur realisme yang dipaparkan dalam teks *Ranjau Sepanjang Jalan* dapat mewujudkan pemikiran secara matang dan terbuka dalam kehidupan masyarakat seperti tidak menyalahkan orang lain dan meningkatkan budaya bantu-membantu antara satu sama lain. Oleh sebab itu, beberapa cadangan yang bertepatan dan sesuai dapat membentuk moral generasi muda akan diberikan oleh pengkaji. Cadangan yang ingin dicadangkan oleh pengkaji adalah seperti berikut.

5.4.1 Teks Sastera Sebagai Platform Kritikan

Kritikan merupakan sebuah kaedah yang digunakan oleh seseorang untuk menyangkal pendapat atau pandangan orang lain yang dirasakan kurang tepat serta tersasar daripada perkara sebenar. Pada hari ini pelbagai kritikan akan dilontarkan secara terbuka dan mengaibkan individu lain di media sosial oleh segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab. Saluran kritikan seperti ini boleh menjejaskan reputasi serta menjatuhkan maruah organisasi dan juga individu. Kritikan di media sosial kebanyakan akan dipadam oleh pemiliknya jika diambil tindakan oleh individu atau organisasi yang dikritik. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan kritikan yang dilakukan melalui saluran tersebut merupakan sebuah fitnah tanpa hujah yang tepat semata-mata untuk mengaibkan pihak tertentu sahaja.

Berdasarkan perkara dan masalah tersebut platform teks sastera dilihat sebagai sebuah cabang yang sesuai untuk melakukan kritikan dengan bukti yang konkrit serta menyatakan hujahan secara sistematik dan tersusun. Masyarakat juga perlu melontarkan kritikan dengan tepat dan menyatakan hujah secara matang serta menjelaskan semua perkara terjadi dengan sifat jujur dan amanah tanpa niat untuk menjatuhkan nama seseorang ataupun sesebuah organisasi. Kritikan dilakukan untuk memberi kesedaran dan membangunkan kepribadian seseorang. Karya yang dihasilkan oleh Shahnnon Ahmad boleh dijadikan rujukan kerana beliau sangat hebat melakukan kritikan melalui teks seperti hasil karyanya *Shit* (1999), *Tivi* (1995) dan *Sutan Baginda* (1997). Oleh itu, kritikan melalui teks sastera dilihat boleh dipercayai dan harus menjadi sebuah platform untuk menyampaikan kritikan terhadap sesebuah isu yang berlaku dalam masyarakat.

5.4.2 Pencetakan Semula Teks Sasterawan Negara

Teks dan novel hasil karya sastera daripada sasterawan negara sangat sukar diperolehi oleh masyarakat terutamanya golongan pelajar sastera pada masa ini. Cetakan baharu karya sastera sangat diperlukan untuk dianalisis dan dikaji pada hari ini. Sesetengah karya sastera sukar didapati dan sangat terhad sehingga mencecah harga ratusan ringgit Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana permintaan yang tinggi terhadap karya sasterawan negara dalam kalangan pelajar menyebabkan wujudnya segelintir pihak menjual dengan harga yang tinggi. Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka seharusnya bekerjasama dengan pihak universiti untuk mencetak kembali karya sastera yang dilihat mempunyai keunikan dan identiti tersendiri dalam kalangan masyarakat.

Cetakan baharu juga boleh dijual dengan harga berpatutan serta mesra pelajar. Perkara ini juga bagi mengelakkan segelintir pihak tidak bertanggungjawab menjadikan karya sastera edisi terhad sebagai mata penghasilan yang lumayan dan melakukan penipuan secara atas talian. Hasil karya sastera merupakan sebuah teks untuk dikaji dan dianalisis bukan sebuah bahan dagangan untuk mencari keuntungan sahaja. Cetakan baharu juga boleh memberi peluang kepada semua pihak terutamanya golongan pelajar untuk mendapatkan teks sastera dengan harga yang berpatutan. Oleh itu, pencetakan semula teks hasil karya sasterawan negara seharusnya diketengahkan oleh pihak bertanggungjawab bagi menjaga dan melindungi pemikiran serta sumbangan tokoh yang dicurahkan dalam teks-teks karya sastera mereka.

5.4.3 Penganjuran Program Penulisan Kreatif dan Mata Pelajaran Sastera

Penulisan kreatif merupakan sebuah kaedah yang digunakan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar berkaitan cara mencipta hasil karya sastera iaitu prosa tradisional dan juga prosa moden. Program penulisan kreatif juga boleh dijadikan program wajib universiti di seluruh negara. Hal ini dikatakan demikian kerana penulisan kreatif ini bukan sekadar terhad kepada pelajar kesusasteraan Melayu sahaja namun aliran lain juga perlu diberi penekanan berkaitan program tersebut di universiti tempatan. Setiap graduan seharusnya dapat mengetahui dan mencipta hasil karya sastera walaupun berada dalam bidang yang tidak berkaitan dengan kesusasteraan Melayu.

Pendekatan tersebut dilihat dapat menjaga kemurnian dan jati diri kemelayuan dalam diri setiap individu. Semua golongan profesional di sektor swasta ataupun kerajaan digalakkan untuk mencipta hasil penulisan sendiri dalam bentuk buku ataupun novel bagi menyampaikan idea kepada pihak kerajaan dan masyarakat. Program mingguan juga perlu diwujudkan di semua universiti awam agar pelajar dapat mengetahui serba sedikit berkaitan bidang penulisan serta mempelajarinya supaya dapat menghasilkan teks-teks yang berkualiti pada masa akan datang. Penulisan yang berkualiti seharusnya dibentuk dan diasah agar setiap idea yang dikeluarkan dapat membantu masyarakat dalam isu tertentu.

5.4.4 Penulisan Karya Kreatif Medium Pembentukan Pemikiran Masyarakat

Pemikiran masyarakat dilihat lebih mengikut arus masa kini serta boleh berubah pada bila-bila masa sahaja. Pemikiran dan sumbangan idea yang baik sememangnya lahir dalam masyarakat yang berilmu dan gemar melakukan kajian. Pengarang sebagai

pembawa cerita dalam novel perlu memainkan peranan penting untuk merubah minda masyarakat terutamanya golongan muda. Teks yang dihasilkan sepatutnya mempunyai kriteria yang tersendiri sebelum dipasarkan kepada pembaca. Novel yang dihasilkan oleh penagarang perlu menggunakan kata-kata yang sopan, tidak menyentuh isu agama serta memasukkan elemen berkenaan nilai dan realisme yang sedang berlaku dalam kehidupan masyarakat.

Pengarang juga perlu menunjukkan nilai moral yang tinggi serta tidak terlibat dengan perkara yang negatif dalam masyarakat. Unsur realisme perlu diterapkan dalam teks semasa menghasilkan karya namun sikap berhati-hati perlu wujud dalam diri penulis agar hasil karya tidak menjadi pentas untuk mengaibkan dan menjatuhkan maruah seseorang dan juga organisasi tertentu. Teks wajib sastera seperti *Sulalatus Salatin* juga perlu dipelajari pada peringkat Ijazah Sarjana Muda di semua universiti awam agar nilai moral yang baik dapat dijadikan teras dalam kehidupan seharian. Oleh itu, teks sastera dilihat dapat merubah pemikiran masyarakat ke arah lebih baik dengan wujudnya pengarang yang amanah serta jujur semasa menghasilkan karya sastera seperti novel dan cerpen.

5.5 Kesimpulan

Kesimpulannya, pengkaji berharap kajian yang dijalankan ini dapat memberi manfaat kepada semua individu, masyarakat dan pihak berwajib berkaitan realisme dalam novel sastera terutamanya *Ranjau Sepanjang jalan* untuk menyelami isu kemiskinan yang dihadapi oleh rakyat. Permasalahan yang ditonjolkan dalam kajian ini bukan melibatkan teks kesusasteraan semata-mata tetapi semua cabang sastera seperti cerpen, prosa

tradisional dan drama juga mempunyai masalah yang sama. Teks sastera juga harus menjadi sebuah platform masyarakat untuk menyampaikan buah fikiran dan idea serta meluahkan kritikan kepada pihak tertentu. Tidak sewajarnya teks sastera hanya dijadikan sebagai penulisan untuk mendapat keuntungan sahaja tanpa menyelitkan unsur nasihat dan moral yang diperlukan dalam masyarakat pada asalnya.

Semua pengkarya pada hari ini perlu bersama untuk menghasilkan penulisan berkualiti bagi mengangkat sastera kontemporari berada pada kedudukan yang lebih tinggi dalam masyarakat pada masa hadapan. Pengkaji mempunyai harapan yang tinggi agar kajian ini dapat memberi perubahan kepada pihak tertentu untuk lebih menghargai usaha dan pemikiran yang disumbangkan oleh sasterawan negara dalam bidang kesusasteraan. Oleh itu, masyarakat dan individu perlu menyokong teks kesusasteraan seperti novel yang banyak menyampaikan isu realiti sebenar dalam kehidupan seharian seterusnya menjaga dan mengharmonikan kehidupan masyarakat di Malaysia.

RUJUKAN

- Amri Marzali. (2012). Kategori adat dalam budaya Melayu nusantara. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 23.
- Aina Fariha & Hilwa Abdullah. (2020). Persepsi masyarakat dan pesakit mental terhadap kesihatan mental. *Jurnal Wacana Sarjana, Volume 4(1) Januari 2020: 1-13*; e-ISSN 2600-9501.
- Amani Dahaman. (2011). *Tinjauan literatur*. Penyelidikan Pendidikan. (April 2011).
- Asyraff & Mary. (2021). Realisme ekonomi masyarakat Malaysia dalam karya indie. *Asian People Journal 2021*, Vol 4(1), (ms. 11-25) e-ISSN: 2600-8971.
- Azwar Asrudin. (2014). Thomas Kuhn dan teori hubungan internasional: Realisme sebagai paradigma. *Indonesia Journal of International Studies (IJIS)*. Vol. 1, No 2, (ms. 107-122).
- Arba'ie Sujud, Salihah Razak & Rabiatul Jaffar. (2015). Pemikiran dan kepimpinan dalam novel Shahnnon Ahmad. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 3 (1), 2015: (ms. 67-78).
- Azman Ismail. (2018). Novel-novel Shahnnon Ahmad dalam perspektif etnografi semantik. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*, Jilid 6/ Jan/ 2018, (ms. 1-30) ISSN: 2289-5000.
- Ahmad et al. (2018). Permasalahan sosial dan agama dalam novel terpilih Najib Mahfuz dan Shahnnon Ahmad. *Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab Fakulti Pengajian Peradaban Islam*. Kolej Islam Antarabangsa Selangor, Bangi, Selangor. eISBN NUMBER: 978-967-2122-53-1.
- Ayuni & Amir. (2019). Peranan sekolah dalam pembentukan perpaduan antara kaum dalam kalangan pelajar. *Jurnal Pendidikan BITARA UPSI*, Vol. 12 (2019)/ ISSN 1394-7176, (ms. 18-28).
- Azhar Mohd Ali. (2009). *Pemikiran politik dan pembinaan negara bangsa dalam novel terpilih Shahnnon Ahmad dan Putu Wijaya: satu kajian bandingan*. Ijazah Doktor Falsafah. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia.
- Bronfenbrenner, U. (1995). The ecology of cognitive development: Research models and fugitive findings. In R. H. Wozniak & K.W. Fischer (Eds), *Development in context*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human development: Experiments by nature and design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Emile Durkheim. (1961). *Moral education: a study in the theory and application of the Sociology of education*. Translated by Everett K. Wilson and Herman Schnurer. Edited, with an introduction, by Everett K. Wilson. New York: The Press of Glencoe, Inc, 288pp.
- Elsie Jalin. (2013). *Realisme dalam dokumentari*. Sarjana muda seni gunaan dengan kepujian. Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif. Universiti Malaysia Sarawak.

- Fatimah Daud. (1992). *Pengenalan teori-teori sosiologi*. Siri Kemasyarakatan Fajar Bakti. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- George Ritzer. (2012). *Eight Edition Sociological Theory*, terj: Saut Pasaribu dkk, Edisi Kedelepan Teori Sosiologi: Dari Sosiologi Klasik Sampai Perkembangan Terakhir Postmodern. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Hashim Ismail. (2007). Sejarah penulisan novel di Malaysia: Isu Dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 18, (ms. 25-40).
- Halimah Mohamed Ali. (2013). Is Shahnnon Ahmad's Ranjau Sepanjang Jalan a tragedy? *Journal of Modern Education Review*, USA September 2013, Vol 3, No. 9, (ms. 709-713).
- Irwan et al. (2016). Arab-Israeli Six-Day War 1967 through the perspective of the Realism Theory. *International Journal of Islamic Thought*. 9 (June): (ms.18-31).
- Ida Zahara Adibah. (2017). Struktural Fungsional Robert K. Merton: aplikasinya dalam kehidupan keluarga. *INSPIRASI*, Vol. 1, No. 1, Januari-Jun 2017, (ms. 171-184).
- Jacinta & Asmiaty. (2021). Sistem Bombon: Fungsionalisme Struktural terhadap masyarakat Kadazandusun Di Kiulu, Tuaran, Sabah. Melayu: *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 14 (1), (ms. 101-114). ISSN 1675-6460, e-ISSN 2682-8049.
- Koentjaraningrat. (2002). *Pengantar ilmu Antropologi*. Cetakan Kedelapan. Jakarta: Rineka Cipta.
- Kamus Dewan Perdana*. (2020). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kathirasan Doraisamy. (2004). *Pemikiran Shahnnon Ahmad dan Naguib Mahfouz dalam novel-novel terpilih: satu perbandingan*. Ijazah Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Maimunah & Washima. (2019). Pemartabatan 'Realiti' dan 'Realisme' ke status konvensi sastera dalam kesusasteraan Melayu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Science*, Volume 2, Issue 2, 2019: (ms. 109-136).
- M. Albertrand Jusendo Arfan. (2021). *Teori Fungsionalisme Antropologi Hukum*. 2021/02/21.
- M. Zainuddin. (2008). Perubahan sosial dalam perspektif sosiologi pendidikan. *Socio-Religia*, Vol.7 No. 3. (ms. 750-766).
- Morni Hussin. (2018). *Aspek ketuhanan dan kemanusiaan dalam novel terpilih tiga Sasterawan Negara*. Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia.
- Mana Sikana. (2015). *Penulisan akademik sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mahfudzah Mustafa. (1999). Pendekatan Realis dalam perspektif hubungan antarabangsa. *Dlm Ghazali Mayudin (pnyt). Teori Sains Politik Pilihan: Aplikasinya dalam Konteks Malaysia*, Bangi: Penerbit UKM (ms. 105-129).
- Northouse, P.G. (2009). *Introduction to leadership: Concepts and Practice*. USA: SAGE Publications.
- Noor Aziah Mohd Awal (2002). *Pengenalan kepada sistem perundangan di Malaysia*. Petaling Jaya, Selangor: International Law Book Services.
- Norullisza et al. (2017). Family values and its importance from the qur'anic perspectives. *National and International Conference in Islamic Education and Educational Development*. No. S008.
- Norzita & Hadijah. (2014). Realiti kemiskinan: satu kajian Teoritikal. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 48 (1) 2014, (ms. 167-177).
- Ravallion, M. (1998). *Poverty lines in theory and practice*. LMS Working Paper, 133. The World Bank.
- Raziah & Asmiaty. (2018). Elemen Realisme magis yang tidak dapat dijelaskan (the irreducible element) dalam kumpulan cerpen Laron (2010) oleh Jasni Matlani. *Gendang Alam, Jilid 8*, (ms. 114-131).
- Ritzer & Stepnisky. (2019). *Sociological Theory*. SAGE Publications, Inc; 10th edition (Februari 15, 2017), ISBN-10 9781506337715.
- Roslan Chin. (2017). *Kematian dalam karya terpilih Shanon Ahmad*. Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa & Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Samsul Bahri. (2016). Perspektif teori Sturuktural Fungsionalisme tentang ketahanan sistem pendidikan pesantren. *MIQOT*, Vol. XL, No 1, (ms. 88-105).
- Suhaizi suhaimi & Helmy Sabtu. (2020). *Realisme dan keseimbangan kuasa: kajian terhadap negara terpilih*. Pagoh: MSS.
- Sharifah Sofiah 'Atiqah Syed Ibrahim & Zakiyah Jamaliddin. (2006). *Sosiologi organisasi*. Jitra: Pusat Pendidikan Profesional dan Lanjutan Universiti Utara Malaysia.
- Tengku Fatin. (2011). *Masalah keluarga dan pengaruhnya terhadap pencapaian akademik di kalangan pelajar*. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Talcott Parsons. (1958). Social Structure and the development of personality. Freud's Contribution to the Integration of Psychology and Sociology. *Interpersonal and Biological Processes*. Volume 2 (ms 321-340).
- Talcott Parsons. (1951). The Social System. *British Library Cataloguing in Publication Data Parsons, Talcott 1902-1979 The Social System-2nd ed (Routledge sociology classics) 1*. Sociology I. Title 301, ISBN 0-41506055-9.
- Talcott Parsons. (1937). *The Structure of Social Action*. New York, N.Y: McGraw-Hill Book Company.
- Vaizey, J. (1967). *Education for tomorrow*. England: Penguin Books Ltd.

- Yau Chee Theng. (2015). *Realisme dalam cerpen-cerpen dua penulis Mahua di Malaysia*. Ijazah sarjana sastera. Fakulti Bahasa Dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Yusof Hasan. (1990). *Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Zainal Kling et al. (1996). *Adat dan istiadat Melayu Melaka*. Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia. ISBN 9839915517.
- Zakiah Jamaluddin. (2001). *Masalah sosial remaja: tinjauan daripada perspektif Sosiologi*. Dalam Che Su Binti Mustafa, Prof. Madya Dr. Wan Ab. Rahman Khudzri Bin Wan Abdullah, Dr. Rohani Binti Hj. Ab. Ghani, Dr. (Eds). *Dimensi-dimensi Pembangunan Sosial*. (ms. 117-124). Sintok: Kolokium Akademik SPS 2001.
- Zariat Abdul Rani. (2008). “Karya mithali sastera Islam”? Satu penilaian kritis terhadap novel TIVI karya Shahnnon Ahmad. *Islamiyyat*, 30 (1). (ms. 29-55). ISSN 0216-5636.